


FYP FTKW

**POTENSI BAGI PELESTARIAN BUKIT MALAWATI SEBAGAI TAPAK  
ARKEOPELANCONGAN DI MALAYSIA**

**NURULAINA IZZATI BINTI SAMSUDDIN**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**  
**DENGAN KEPUJIAN**  
KELANTAN

**2021**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**POTENSI BAGI PELESTARIAN BUKIT MALAWATI SEBAGAI TAPAK  
ARKEOPELANCONGAN DI MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NURULAINA IZZATI BINTI SAMSUDDIN**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan

Ijazah Srjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2021**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

NURULAINA IZZATI BINTI SAMSUDDIN

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

## PENGAKUAN

Projek bertajuk “Potensi Bagi Pelestarian Bukit Malawati Sebagai Tapak Arkeopelancongan Di Malaysia” telah disediakan oleh (**NURULAINA IZZATI BINTI SAMSUDDIN**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Assalammualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat juga saya menyempurnakan projek penyelidikan ini pada waktu yang telah diperuntukkan meskipun terdapat beberapa kekangan yang ditempuhi dalam usaha untuk melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, bantuan serta sokongan sepanjang menjalankan kajian ini. Saya sangat berterima kasih kepada beliau kerana selalu mengambil berat, memberikan pandangan dan buah fikiran berhubung tugas para pelajar di bawah penyeliaannya agar sentiasa ditambah baik.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya yang secara tidak langsung telah memberikan sokongan moral dan fizikal serta memberikan dorongan semangat agar saya tidak berputus asa untuk menyelesaikan kajian penyelidikan ini. Terima kasih sekali lagi kepada ibu bapa saya yang telah menyediakan segala keperluan dan memberi bantuan agar kajian ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

Akhir kata, saya juga ini mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan bantuan ketika saya menghadapi kesulitan dalam menjalankan proses kajian penyelidikan ini. Sebelum saya mengundurkan diri, izinkan saya mengucapkan kata terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini. Semoga setiap bantuan dan kerjasama yang diberikan ini mampu membuka lembaran baru dan menyumbang ilmu pengetahuan terhadap dunia sejarah dan warisan kepada negara Malaysia ini.

## Potensi Bagi Pelestarian Bukit Malawati Sebagai Tapak Arkeopelancongan Di Malaysia

### ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Potensi Bagi Pelestarian Bukit Malawati Sebagai Tapak Arkeopelancongan Di Malaysia”. Menurut sejarah, negeri Selangor termasuk di antara negeri-negeri bersekutu selain daripada Perak, Pahang dan Negeri Sembilan yang mana pernah dijajah oleh kuasa besar barat suatu ketika dahulu. Justeru itu, kesan peninggalan sejarah daripada pihak kolonial tidak akan pernah hilang daripada negara ini dan masih kelihatan sampai sekarang di serata negeri khususnya di Kuala Selangor. Jika kita lihat masyarakat hari ini, kebanyakannya sudah kurang pengetahuan dan maklumat berkaitan dengan pelancongan warisan kerana menganggapnya sebagai perkara yang tidak penting. Selain itu, masyarakat masih kurang sedar akan potensi kawasan bersejarah sekaligus mengurangkan usaha pelbagai pihak untuk menarik warga negara untuk mengunjungi kawasan setempat itu sebagai satu tarikan pelancongan warisan. Objektif pengkaji adalah untuk mengenalpasti keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati di samping mengkaji potensi kawasan itu dalam sektor arkeopelancongan negara. Tambahan lagi, pengkaji juga ingin mengenalpasti usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati tersebut. Kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan penggunaan borang soal selidik bagi memperoleh data yang akan digunakan sehingga ke akhir kajian. Diharapkan kajian ini, akan memberi pengetahuan kepada masyarakat Malaysia terutama generasi baru agar tidak lupa akan sejarah tanah air yang tercinta ini serta mengambil sejarah yang berlaku sebagai pedoman atau petunjuk dalam membangunkan sebuah negara. Di samping itu, melancong sambil mengunjungi bandar warisan akan membuka mata masyarakat dari serata dunia sekaligus memberi kesedaran akan kepentingan menghargai nilai warisan di sesuatu kawasan itu.

Kata Kunci: *potensi, pelestarian, Bukit Malawati, tapak arkeopelancongan*

## Potential For Preservation Of Bukit Malawati As An Archeotourism Sites In Malaysia

### ABSTRACT

This research project is a study on "Potential for the Preservation of Malawati Hill as an Archaeotourism Site in Malaysia". According to history, the state of Selangor is one of the federated states apart from Perak, Pahang and Negeri Sembilan which were once colonized by western powers. Therefore, the effects of historical relics from the colonialists will never disappear from this country and can still be seen till this day in all states, especially in Kuala Selangor. If we look at today's society, most of them already lack knowledge and information related to heritage tourism because they consider it as a trivial matter. Apart from that, the community is still unaware of the potential of the historic area as well as reducing the efforts of various parties to advertise the local area as a heritage tourist attraction. The objective of the researcher is to identify the specialties found in Bukit Malawati in addition to studying the potential from the tourism standpoint of the area in the national archae tourism sector. In addition, the researcher also wants to point out the efforts that can be done in preserving the Malawati Hill. Observation methods, document analysis and questionnaires were used to obtain data which will be used until the climax of the study. I hope this studies will contribute knowledge for Malaysian community, especially to the new generation so that they do not forget the history of this beloved homeland and take the history that took place as an example or guide to the nation building. In addition, it will open the eyes of the world community to travel and visit heritage cities along with provide awareness of the importance of appreciating the value of heritage in an area.

Keywords: *potential, preservation, Bukit Malawati, archeotourism sites*

**SENARAI KANDUNGAN**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Batasan Kajian	9
1.9 Definisi Terminologi	11
1.10 Penutup	13
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	15

2.2	Definisi Arkeopelancongan	16
2.3	Konsep Arkeopelancongan	18
2.4	Potensi Arkeopelancongan	18
2.5	Tapak Warisan	21
2.6	Tapak Warisan Dunia Di Malaysia	22
2.7	Daya Tarikan Di Bukit Malawati	25
2.8	Penutup	27

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Instrumen Kajian	30
3.4	Prosedur Pungutan Data	32
3.5	Kaedah Analisis Data	32
3.6	Penutup	33

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	35
4.2	Analisis Demografi Responden	
4.2.1	Demografi Responden Berdasarkan Jantina	37
4.2.2	Demografi Responden Berdasarkan Umur	38
4.2.3	Demografi Responden Berdasarkan Bangsa	39

4.2.4	Demografi Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	40
4.2.5	Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan	41
4.2.6	Demografi Responden Berdasarkan Negeri	42
4.3	Persoalan Kajian 1: Apakah keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor	
4.3.1	Bentuk kunjungan	44
4.3.2	Waktu kunjungan	45
4.3.3	Hari kunjungan	46
4.3.4	Aktiviti kunjungan	47
4.3.5	Keadaan persekitaran	49
4.4	Persoalan Kajian 2: Apakah potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeo pelancongan negara	
4.4.1	Sosial	51
4.4.2	Ekonomi	53
4.4.3	Pendidikan	54
4.5	Persoalan Soalan Kajian 3: Apakah usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati	
4.5.1	Alam Sekitar	56
4.5.2	Pemasaran	58
4.5.3	Pengurusan	60
4.6	Penutup	62

**BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN & CADANGAN**

5.1	Pengenalan	63
5.2	Rumusan	64
5.3	Perbincangan	
	5.3.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengenalpasti keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor	65
	5.3.2 Analisis Objektif Kajian 2: Mengkaji potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeo pelancongan negara	66
	5.3.3 Analisis Objektif Kajian 3: Mengenalpasti usaha yang boleh dilakukan dalam melestariakan Bukit Malawati	67
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	69
5.5	Penutup	70

<b>RUJUKAN</b>	<b>71</b>
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>76</b>
-----------------	-----------

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Muka Surat
1.1	Peta Lokasi Bukit Malawati	8
4.1	Peratus Responden Berdasarkan Jantina	37
4.2	Peratus Responden Berdasarkan Umur	38
4.3	Peratus Responden Berdasarkan Bangsa	39
4.4	Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	40
4.5	Peratus Responden Berdasarkan Pekerjaan	41
4.6	Peratus Responden Berdasarkan Negeri	42
4.7	Peratus Responden Berdasarkan Bentuk Kujungan	44
4.8	Peratus Responden Berdasarkan Waktu Kunjungan	45
4.9	Peratus Responden Berdasarkan Hari Kunjungan	46
4.10	Graf Responden Berdasarkan Aktiviti Kunjungan	47
4.11	Graf Responden Berdasarkan Keadaan Persekutaran	50
4.12	Graf Responden Berdasarkan Sosial	51
4.13	Graf Responden Berdasarkan Ekonomi	53
4.14	Graf Responden Berdasarkan Pendidikan	55
4.15	Graf Responden Berdasarkan Alam Sekitar	57
4.16	Graf Responden Berdasarkan Pemasaran	58
4.17	Graf Responden Berdasarkan Pengurusan	60

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
3.1	Skala Likert 5 Mata	32
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	37
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	38
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	39
4.4	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	40
4.5	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	41
4.6	Taburan Responden Mengikut Negeri	42
4.7	Taburan Responden Mengikut Bentuk kunjungan	44
4.8	Taburan Responden Mengikut Waktu Kunjungan	45
4.9	Taburan Responden Mengikut Hari Kunjungan	46
4.10	Taburan Responden Mengikut Aktiviti Kunjungan	47
4.11	Taburan Responden Mengikut Keadaan Persekutaran	50
4.12	Taburan Responden Mengikut Sosial	51
4.13	Taburan Responden Mengikut Ekonomi	53
4.14	Taburan Responden Mengikut Pendidikan	54
4.15	Taburan Responden Mengikut Alam Sekitar	56
4.16	Taburan Responden Mengikut Pemasaran	58
4.17	Taburan Responden Mengikut Pengurusan	60

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan sejak bertahun lamanya, kini ia lebih dikenali sebagai Malaysia. Menurut Abdullah Zakaria Ghazali (2012), sepanjang tahun untuk mencapai kebebasan tersebut Malaysia mengalami pelbagai cabaran dan rintangan. Meskipun begitu, Malaysia tetap teguh mencapai kejayaan dalam pelbagai aspek merangkumi ekonomi, sosial dan politik. Perjuangan untuk mencapai kedamaian yang kita nikmati sekarang bukanlah sesuatu yang mudah, namun ia harus dibanggakan. Malaysia kini adalah sebuah negara yang sedang pesat membangun selari dengan arus pemodenan. Namun begitu, terdapat binaan-binaan yang penuh dengan kesan sejarah dicelah-celah arus pemodenan ini.

Sebagaimana yang kita ketahui, Malaysia telah mencapai kemerdekaan sejak tahun 1957 lagi, tetapi kesan kesan peninggalan sejarah daripada pihak kolonial tidak akan pernah hilang daripada negara ini dan masih jelas terlihat sehingga ke hari ini di serata negeri khususnya di negeri Selangor Darul Ehsan. Pengaruh yang telah dibawa oleh pihak kolonial meninggalkan kesan kepada kebudayaan masyarakat tempatan khususnya dari segi pembinaan. Meskipun begitu, peninggalan yang ditinggalkan perlu dilihat dari sudut positif. Hal ini kerana, ia amat penting bagi generasi baru agar tahu akan kewujudan sejarah dan warisan serta pembangunan negara.

Menurut Haji Buyong Adil (1981), negeri Selangor termasuk di dalam negeri-negeri bersekutu selain daripada Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Dikatakan pada kurun ke-15 masihi sehingga ke awal kurun ke-16 masihi, Raja Melayu telah memerintah Kerajaan Melaka pada ketika itu dan mengistiharkan Kelang, Jeram, Langat dan Selangor yang dikenali sebagai Kuala Selangor sebagai beberapa buah tempat dalam negeri Selangor. Pada ketika itu semuanya adalah dibawah pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka.

## 1.2 Latar belakang kajian

Menurut portal rasmi Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Bukit Malawati merupakan sebuah kawasan yang berada di dalam daerah Kuala Selangor. Ia merupakan sebuah tempat tarikan pelancong yang wajib dikunjungi apabila tiba di Kuala Selangor. Hal ini kerana ia merupakan salah satu sejarah dalam kemunculan negeri Selangor. Kedudukan Bukit Malawati ini dikatakan sangat strategik kerana menghadap laut Selat Melaka dan Sumatera, Indonesia. Selain itu, kedudukannya yang berada di tempat tinggi sangat tepat dijadikan sebagai kubu pertahanan yang mana

memudahkan pengesanan musuh yang datang dari bawah. Menurut laman rasmi Majlis Daerah Kuala Selangor, Kuala Selangor yang dahulunya dikenali sebagai Selangor telah wujud sebelum kurun ke 15 Masihi dan ia merupakan permulaan politik di negeri Selangor. Tidak ada yang menafikan perkara ini kerana bukti sangat jelas bahawa bermulanya pentadbiran negeri Selangor itu masih terdapat hingga ke hari ini.

Di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim pada tahun 1782 sehingga 1826, sebuah kota yang sangat kukuh telah dibina sebagai banteng pertahanan dari serangan pihak Belanda. Namun begitu, Belanda telah berjaya menggulingkan kota ini pada tahun 1784 dan menukar namanya kepada Fort Altingburg. Tetapi semua itu tidak bertahan lama kerana Sultan Ibrahim bejaya merebut kembali kota tersebut dengan bantuan para pahlawan pada ketika itu. Hal itu merupakan satu titik kejayaan bagi seorang Sultan Tanah Melayu yang mana dapat menyingsirkan satu kuasa asing yang besar di Tanah Melayu. Peperangan yang hanya dalam tempoh satu malam sahaja yang pada masa itu menyebabkan pasukan di bawah perintah Gerardu Zwykhardt dan August Gravensteyu mundur tanpa sebarang tindakan (Yusof Hassan, 1981).

Disebabkan oleh sejarahnya yang bernilai kepada negara, kerajaan telah mewartakan Kota Malawati sebagai monumen lama dan tapak bersejarah pada tahun 1977. Hal ini diterima baik oleh masyarakat setempat yang mana merasakan bahawa kawasan tersebut seharusnya dijaga dengan baik agar masyarakat luar tahu akan kepentingan sejarah dan peristiwa apa yang terjadi di situ pada suatu ketika dahulu. Dalam penulisan Yusof Hassan (1981), ada menjelaskan bahawa dahulu Kuala Selangor merupakan tempat bermula persemayaman Sultan Selangor, jsuteru itu terdapat banyak kesan sejarah yang boleh dilihat dan kebanyakannya terdapat di Bukit Selangor (Bukit Malawati). Antara kesan peninggalan sejarah yang boleh dilihat di

kawasan ini adalah seperti makam-makan diraja, kubu pertahanan, batu hampar, rumah api dan banyak lagi.

### 1.3 Pernyataan masalah

Pernyataan masalah adalah untuk mengenal pasti permasalahan sebelum kajian dapat dijalankan. Dalam kajian ini, saya mendapati kurangnya pengetahuan dan maklumat berkaitan dengan pelancongan warisan di Bukit Malawati itu. Seterusnya, masyarakat kurang didedahkan kepada tempat-tempat warisan. Meskipun mereka tahu Kuala Selangor mempunyai banyak daya tarikan pelancongan kerana terdapat banyak kawasan yang boleh dikunjungi seperti “sky mirror”, taman kelip kelip dan sebagainya. Namun, pelancongan warisan masih kurang mendapat sambutan

Pada tahun 2019, Madiha Abdullah telah menulis artikel mengenai program Selangor Royal Heritage Trail yang dirasmikan oleh Datuk Abdul Rashid Asari, Exco Kebudayaan, Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Selangor. Dalam artikel tersebut, beliau telah menyatakan bahawa program tersebut adalah untuk menfokuskan kepada khazanah warisan dan sejarah diraja negeri Selangor merangkumi tiga daerah iaitu Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor. Program ini dikatakan merupakan platform kepada pelancong dari segenap penjuru untuk memahami dan meningkatkan pengetahuan dan maklumat berkaitan pelancongan warisan.

Dalam penulisan Khairul Azran (2015) untuk berita harian dalam talian, Datuk Yusoff Hassan telah memberi pendapat beliau mengenai masalah yang dihadapi. Beliau berkata kurang kesedaran masyarakat terhadap potensi kawasan bersejarah adalah kerana sikap acuh tidak acuh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Menurut beliau yang merupakan penulis buku Sejarah Kuala Selangor, warisan bangsa Melayu

di Bukit Malawati semakin dilupakan kerana masyarakat lebih terdedah mengenai sejarah Kota A Famosa di Melaka.

Akhir sekali, kerajaan seharusnya menarik warkan Bukit Malawati itu sebagai salah satu tempat tarikan pelancongan. Fadhirul Anuar Salleh yang merupakan pengurus Pembangunan Produk dan Perniagaan Tourism Selangor berkata di dalam penulisan artikel Madiha Abdullah (2019) bahawa beliau berharap agar program Selangor Royal Heritage Trail dapat memperkenalkan warisan kesultanan Selangor dan menarik kerjasama dengan agensi pelancongan yang berminat dalam program ini. Oleh hal demikian, kerajaan juga boleh mengadakan kempen atau hari terbuka dengan lebih kerap sebagai usaha mempromosikan kawasan warisan kepada pelancong di dalam negara maupun luar negara.

#### **1.4 Persoalan kajian**

Persoalan kajian adalah berkaitan dengan objektif kajian. Persoalan kajian merupakan masalah yang wujud ketika hendak menjalankan kajian ini. Terdapat 3 persoalan yang telah dikenalpasti untuk memastikan kajian ini berjalan dengan lancar.

- i. Apakah keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor?
- ii. Apakah potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeo pelancongan negara?
- iii. Apakah usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati?

## 1.5 Objektif kajian

Objektif kajian adalah matlamat atau sasaran sesebuah kajian itu dilaksanakan.

Terdapat beberapa objektif yang dikenalpasti dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenalpasti keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor
- ii. Mengkaji potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeo pelancongan negara
- iii. Mengenalpasti usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati

## 1.6 Kepentingan kajian

Kepentingan kajian yang disenaraikan adalah bagi menjamin dan mengekalkan pelestarian dan bukti kukuh bahwasanya sejarah dan warian di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu sangat bagus.

### 1.6.1 Individu

Kajian ini sedikit sebanyak memberi dan menambah ilmu pengetahuan pengkaji tentang tapak arkeopelancongan yang wujud di Malaysia khususnya di Bukit Malawati, Kuala Selangor ini. Segala informasi yang tercatat di dalam kajian ini diharapkan dapat memberi faedah kepada ramai orang khususnya pengkaji yang akan datang dalam membuat kajian berkaitan. Mewarisi ilmu pengetahuan dan kepakaran melalui keimanan dan gaya hidup yang dijelmakan melewati objek budaya adalah warisan kita (Zuliskandar Ramli, 2015)

### 1.6.2 Masyarakat

Kajian ini juga dapat memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat khususnya golongan muda akan kepentingan sejarah dan warisan negara yang mana akan membantu dalam perkembangan dan kemajuan negara. Jika sejarah dan warisan hanya dipandang sepi, pembangunan dan modenisasi negara sukar dibina kerana nilai yang dibawa memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi. Peninggalan sejarah ini sedikit sebanyak dapat merungkai peristiwa-peristiwa bersejarah yang pernah wujud di Tanah Melayu untuk tatapan umum. Rupawan Ahmad (1990) ada menyatakan bahawa melalui sejarah masyarakat akan dapat menjelaki asal-usul dan warisan budaya serta dapat mempertahankan kewujudannya.


### 1.6.3 Institusi Pendidikan

Kajian ini juga bertujuan untuk memelihara warisan yang ada agar warisan ini tidak lopus dek arus peredaran zaman. Selain itu, berdasarkan kajian yang dilaksanakan, ia dapat menjadi sumber rujukan utama kepada generasi yang masa hadapan bagi memberi kepastian bahawa nilai warisan sentiasa terpelihara secara tidak formal. Pendidikan yang melibatkan rancangan di luar strategi pendidikan formal dipanggil sebagai Pendidikan bukan formal iaitu tanpa perlu menghadiri kelas secara formal (Ab Samad Kechot, 2012). Diharapkan juga agar dapatan daripada kajian ini akan dapat memenuhi keperluan orang ramai termasuklah orang yang bekerja, penuntut universiti awam dan swasta, pelajar sekolah mahupun orang awam.

## 1.7 Skop kajian

Skop kajian merupakan fokus utama terhadap kajian yang hendak dijalankan. Hal ini bermaksud, kajian yang hendak dijalankan mestilah teratur dan mencapai objektif yang dikehendaki. Perbincangan berkaitan persepsi, tahap pemeliharaan warisan terutama warisan tidak ketara semakin berkurangan.

Kajian ini lebih memfokuskan di kawasan Bukit Malawati, Selangor yang mana dilihat berpotensi sebagai sebuah kawasan warisan yang harus dijaga dengan baik dan rapi. Hal ini adalah bagi memastikan sejarah berkaitan kawasan itu dan peristiwa yang terjadi dapat dinikmati oleh segenap masyarakat tanpa mengira usia. Pengenalan sejarah tentang Bukit Malawati ini kepada generasi yang akan datang amat penting bagi membolehkan mereka tahu bagaimana perjuangan orang dahulu untuk mempertahankan tanah air yang tercinta daripada serangan kuasa asing. Abdullah Zakaria bin Ghazali (2007) berpendapat bahawa sebagai rakyat di negara ini seharusnya mengenal sejarah tanah air dan mengambil sejarah yang berlaku sebagai iktibar dan penggera kepada pembangunan sesebuah negara.



Rajah 1.1: Peta Lokasi Bukit Malawati

Sumber: <https://www.google.com/maps>, (2021, Mei 18)

Seterusnya, kajian yang dilakukan hanya merangkumi potensi Bukit Malawati untuk dijadikan sebagai tapak arkeopelancongan di negara Malaysia. Sebagaimana yang kita ketahui, negara kita mempunyai banyak tapak warisan yang berpotensi menjadi sebuah tapak arkeopelancongan, tetapi tidak diselenggara dengan baik sehingga kurang diketahui kepentingannya kepada negara terutama oleh generasi muda (Adnan Jusoh, 2016)

Akhir sekali, kajian ini adalah untuk hanya tertumpu kepada kajian untuk mensyorkan usaha untuk menaikkan aktiviti pelestarian di Bukit Malawati agar kawasan ini menjadi tapak arkeopelancongan yang diberi perhatian oleh pelbagai pihak sebagai tindakan yang sewajarnya dilakukan. Sekiranya pelbagai pihak bersama-sama berusaha untuk melestarikan kawasan ini, ia pasti akan menjadi sebuah tempat tumpuan yang baik bukan sekadar pelancong luar negara, malahan pelancong dalam negara (JMD Jahi, 2009)

## 1.8 Batasan Kajian

Penyelidikan ini hanya dihadkan di kawasan sekitar Bukit Malawati, Kuala Selangor sahaja. Hal ini kerana nilai sejarah yang berada di setiap kawasan itu amat penting bagi menjana eko pelancongan negara. Amat penting sebagai rakyat Malaysia mengenalpasti keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor. Sebagaimana yang diketahui, pelancongan sejarah dan warisan di Malaysia masih tidak meluas perkembangannya. Keunikan, kekuatan dan keunggulan yang bersifat ketara dan tidak bersifat ketara perlu ditingkatkan dan ditonjolkan agar sesuatu produk pelancongan, destinasi dan sesebuah tempat tersebut dapat dibangunkan. Hal ini dapat

membuatkan warisan tidak ketara, dan ketara tidak dapat dilupakan dan menjadi bualan kepada masyarakat yang telah berkunjung ke tempat itu (Zuliskandar Ramli, 2015).

Justeru itu, kajian ini adalah sebagai salah satu naskah untuk mengembangkan pengetahuan sejarah dan warisan kepada umum.

Selain itu, batasan kajian pengkaji adalah jangka masa kajian. Untuk kajian ini, tempoh masa hanya terbatas selama setahun sahaja. Ia diperlukan bagi memenuhi projek penyelidikan 1 dan projek penyelidikan 2. Meskipun 12 bulan diperlukan, pengkaji mengalami kekangan dalam mendapatkan sumber kerana tidak turun ke lokasi kajian ditambah lagi di dalam waktu pandemik sekarang ini.

Batasan kajian pengkaji adalah dengan mengkaji potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeopelancongan negara. Hal ini kerana, arkeopelancongan merupakan satu bidang yang masih hijau di dalam negara, oleh itu ia masih kurang meluas di dalam negara kita berbanding luar negara (Adnan Jusoh, 2016). Potensi yang dapat dilihat daripada kajian ini diharapkan akan memberi manfaat kepada masyarakat setempat mahupun masyarakat luar.

Akhir sekali, batasan kajian pengkaji adalah untuk menerangkan beberapa usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati. Usaha yang akan dilakukan adalah berdasarkan kepada persepsi masyarakat tentang keadaan kawasan tersebut. Menurut Elzianie Jaafar, diharapkan masyarakat dunia dapat membuka mata ketika melancong sambil mengunjungi bandar warisan melalui kajian ini. Hal adalah untuk memberi kesedaran akan kepentingan menghargai nilai warisan di sesuatu kawasan itu yang mendatangkan faedah kepada pelbagai pihak.

## 1.9 Definisi Terminologi

Ia merujuk kepada beberapa perkataan yang digunakan oleh pengkaji agar jelas dan mudah difahami oleh pembaca di dalam bidang mahupun di luar bidang bagi mengelakkan berlakunya sebarang salah faham atau kekeliruan. Kamus Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan bahawa definisi termonologi adalah sesuatu aspek ilmu semasa membuat kajian dengan menggunakan istilah atau kumpulan kata khas. Menurut Junaini Kasdan et al. (2017), aktiviti ini pada asalnya dipanggil *nomenclature* atau ‘tatanama’ dalam bahasa Melayu. Namun, istilah tersebut ditukar kepada *terminology* berdasarkan aliran ilmu dan disiplin yang dipelajarinya. Dalam bahasa Melayu, *terminology* pada asalnya dipadankan dengan ‘peristikahan’, namun lama kelamaan istilah ‘terminologi’ juga diterima pakai.

### 1.9.1 Pelestarian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pelestarian bermaksud perlindungan daripada kemasuhan. Ia berasal daripada perkataan lestari yang memberi erti tidak berubah-ubah, kekal dan tetap seperti keadaan asal. Dalam erti kata lain, pelestarian juga merujuk kepada perbuatan atau hal melindungi sesuatu supaya kekal seperti sediakala (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Keadaan persekitaran yang sama tanpa diubah atau yang terpelihara pula merujuk kepada kelestarian.

### 1.9.2 Tapak

Pengertian tapak memberi banyak pemahaman yang berbeza dari sudut ilmiah kerana ia digunakan secara meluas dalam konteks yang berbeza. Namun begitu, definisi tapak menurut Kamus Dewan Edisi Keempat dalam konteks di sini bermaksud bangunan tanah tempat membina bangunan. Kementerian

komunikasi dan multimedia menyatakan tapak warisan budaya boleh merujuk kepada sesuatu yang mustahil untuk dialihkan seperti tapak tanah bersejarah, monumen, atau bangunan.

### **1.9.3 Potensi**

Potensi membawa maksud kemampuan iaitu untuk mencapai, menjana, atau menunaikan sesuatu. Ia juga bererti kebolehan, kekuatan, kesanggupan, keupayaan untuk berkembang maju menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Dalam kajian ini, pengkaji melihat potensi membangunkan kawasan Bukit Malawati sebagai tapak arkeopelancongan negara yang mana sangat baik kepada ekonomi negara.

### **1.9.4 Pelancongan**

Perihal melancong itu sendiri adalah menikmati keindahan. Selain itu, perihal orang yang melancong dan menggunakan perkhidmatan yang berkaitan dengannya adalah untuk menggalakkan perkembangan industri di negara ini (Kamus Dewan Edisi Keempat). Pelancongan membawa maksud perjalanan untuk bersenang-senang atau untuk melihat-lihat, segala hal mengenai urusan melancong dan perbuatan melancong (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Er Ah Choy (2013) menyatakan bahawa pelancongan merujuk kepada kegiatan dengan niat berekreasi atau memenuhi masa senggang seperti mengembara, melancong atau melawat ke sesuatu persekitaran baru yang tidak kurang daripada lima puluh batu (83 kilometer) dari tempat tinggal dan kurang daripada 12 bulan.

### 1.9.5 Warisan

Menurut Jabatan Warisan Negara, warisan didefinisikan secara umum sebagai segala yang berhubung dengan tinggalan atau apa sahaja yang diwariskan kepada sesuatu keturunan itu. Ianya memberi gambaran impresi kepada kesatuan kehidupan sesuatu masyarakat yang melambangkan ketamadunan masyarakat itu.

Generik WK, tapak, objek dan warisan di bawah air sama ada direkodkan atau tidak dalam daftar termasuk di dalam warisan di bawah Seksyen 2 Akta 645. Ia menyatakan bahawa kita semua adalah pewaris yang harus memperjuangkan warisan negara agar warisan yang dimiliki sama ada warisan kebudayaan ketara mahupun warisan kebudayaan tidak ketara pada masa kini ini tidak hilang begitu sahaja dan boleh diwariskan kepada generasi masa hadapan yang mana merangkumi seni bina, seni budaya, makanan, minuman, objek, tekstil, perubatan, bahasa dan persuratan, pertahanan diri, permainan dan lain-lain.

### 1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, bab atau kajian ini adalah untuk melihat apa permasalahan dan bagaimana solusi yang boleh dilakukan ke atas Bukit Malawati, Kuala Selangor serta potensi kawasan tersebut boleh dibangunkan dan dilestarikan untuk dijadikan sebagai tapak arkeopelancongan di Malaysia. Setiap objektif kajian yang dijalankan akan menentukan hala tuju kajian sehingga ke akhirnya di samping melihat sebab tapak warisan di negara kita itu perlu dimartabatkan untuk mengelakkan ia tenggelam di celah-celah arus pemodenan ini. Antara langkah dan jalan keluar yang

terbaik adalah dengan memberi kesedaran untuk memelihara dan melestarikan sumberjaya warisan dalam pelancongan agar terus dinikmati oleh generasi sedia ada dan generasi akan datang tanpa mengorbankan nilai-nilai setempat, penerapan nilai-nilai kelestarian dalam setiap wujud pembangunan pelancongan (Mohamad Zaki Ahmad et al.)

Peninggalan sejarah dan warisan yang boleh dilihat sehingga ke hari ini menjadi bukti kukuh kepada sebuah sejarah di Tanah Melayu terutamanya di Selangor. Hal ini juga menjelaskan bahawa Kuala Selangor itu dahulunya adalah ibu negeri Selangor yang cukup terkenal akan peristiwa silam peperangan dan pertahanannya. Di samping itu, ia menjadi bukti jelas kepada bermulanya peradaban dan pemerintahan kesultanan Selangor. Adnan Jusoh (2016) berpendapat bahawa khazanah negara dapat dijaga dan dilestarikan dengan adanya pengekalan dan pemeliharaan tapak warisan yang dijalankan secara terancang.

Sehubungan dengan itu, Siti Nor Fatimah Binti Zuraidi (2014) berpendapat bahawa bangunan bersejarah di Malaysia harus diambil peduli oleh setiap pihak tidak kira masyarakat atau pihak atasan bagi memastikan bangunan bersejarah tidak terus musnah atau terancam terutamanya bangunan bersejarah yang mempunyai isu dan masalah. Justeru itu, Bukit Malawati itu mestilah dijaga dan dipelihara dengan sangat baik agar nilai sejarahnya tidak hilang tanpa jejak.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian lepas adalah untuk menganalisis dan menerangkan hal berkaitan tinjauan kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh beberapa penyelidik terdahulu. Ia memainkan peranan penting dalam sesebuah penulisan akademik sebagai langkah untuk mengkaji kajian yang lepas, membina skop penyelidikan serta menyokong, bandingkan dan bezakan perkara yang lepas dan semasa untuk meramalkan penyelidikan masa depan. Soalan penyelidikan atau soalan mesti berkaitan atau berkaitan dengan soalan lain, atau dengan firasat tertentu. Ini adalah tujuan lain dari fokus penyelidikan sebelumnya, iaitu untuk nenentukan dan memahami sebarang kesulitan berhubungan dengan masalah penyelidikan (Idris Awang & Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2006)

Selain itu, kemuncak penyelidikan masa lalu adalah maklumat yang dapat memberikan gambaran keseluruhan latar belakang penyelidikan kami. Sebenarnya, ia berperanan dalam memberikan maklumat mengenai perkembangan yang berlaku dalam penyelidikan. Dalam erti kata lain, sorotan kajian lepas ini akan membantu kita sebagai pengkaji melihat kembali aspek yang belum ditulis oleh penulis lain yang mana dirasakan terdapat kelomongan di dalam kajian-kajian lepas yang telah dijalankan itu (Hasanah Taib, 2020). Ini membolehkan kita sebagai penyelidik menilai dokumen atau membina topik baru dalam penyelidikan sejarah yang akan kita jalankan.

Menurut Wallace dan Wray (2006), pengkategorian akan memudahkan pengkaji untuk membantu mengenal pasti literatur yang dimiliki. Mereka telah menyediakan sistem yang menerangkan bagaimana sastera yang dihadapi cenderung masuk ke dalam salah satu daripada empat kategori ini iaitu secara teori, penyelidikan, berlatih dan dasar

## 2.2 Definisi Arkeopelancongan

Aktiviti pelancongan di negara Malaysia bukanlah sesuatu yang asing kerana para pelancong khususnya dari dalam maupun luar negara gemar berkunjung ke negara kita ini untuk menikmati keindahan alam. Sektor pelancongan adalah penyumbang terbesar dalam menjana ekonomi negara. Hal ini jelas terlihat di mana pelbagai destinasi pelancongan yang menarik boleh didapati di serata negeri di dalam Malaysia. Menurut Jamaluddin Md. Jahi (2009), pelancongan adalah salah satu industri besar dan paling untung dalam beberapa puluhan tahun yang lalu. Industri ini dapat menghasilkan ratusan industri lain dengan secara langsung atau tidak langsung bergantung padanya, dan menciptakan berjuta-juta pekerjaan dan pengukuran

penghasilan. Sejak tiga dekad yang lalu, ia berkembang dengan begitu pesat. Pelbagai destinasi pelancongan menjadi pilihan seperti peranginan bukit, pinggir pantai dan pulau.

Namun begitu, terdapat satu lagi destinasi pelancongan yang patut dijadikan destinasi pelancongan pilihan pelancong tempatan iaitu arkeopelancongan. Berbanding dengan luar negara, sektor ini kurang popular dan masih baru perkembangannya di negara kita. Adnan Jusoh (2016) menjelaskan dalam penulisannya di dalam jurnal Jabatan Warisan Negara bahawa arkeopelancongan atau dikenali sebagai archeotourism merupakan hitungan dua patah perkataan yang digabungkan iaitu ‘arkeologi’ dan ‘pelancongan’. Fenciekuha (2017) berpendapat bahawa arkeologi adalah hal yang terhubung dengan tingkahlaku manusia zaman pra sejarah melalui tinggalan tamadun kebendaan sejarah yang menekankan satu prinsip ilmu sains sosial. Dari istilah bahasa, arkeologi membawa maksud archaois yang bermaksud logy (logia) manakala locus bermaksud ilmu. Trifosa Wong (2016) pula mendefinisikan pelancongan sebagai satu aktiviti yang bertujuan rekreatif atau mengisi masa lapang seperti mengembara, melancong, atau melawat ke sesuatu kawasan lain yang kurang dari satu tahun atau tidak kurang lima puluh batu dari penempatan asal.

Menurut Abdul Kadir Haji Din (1997), kata awalan arkeo bermaksud purba atau asal, manakala pelancongan pula dikatakan merujuk kepada satu kegiatan yang diusahakan bagi memenuhi keperluan pelancong, iaitu pelawat yang mengunjungi sesuatu destinasi dan tinggal di sana selama lebih daripada 24 jam. Maka dengan itu, arkeo pelancongan bererti satu kategori pelancongan yang bergantung kepada ciri-ciri warisan purba atau masyarakat asal sebagai daya penarik utama untuk ke sesuatu destinasi itu.

## 2.3 Konsep Arkeopelancongan

Adnan Jusoh (2016) menyatakan bahawa konsep arkeopelancongan bererti melawat sambil melancong ke tapak warisan arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah. Konsep ini berkait rapat dengan imej pelancongan warisan yang mana memfokuskan pada lawatan ke tempat yang mempunyai persekitaran bersejarah. Para pelancong akan ditawarkan untuk mengunjungi kawasan bersejarah bagi mendalami budaya masa silam melalui penglibatan melihat sendiri tapak bersejarah atau tapak arkeologi. Hal ini akan membangkitkan minat dan keghairahan para pelancong dalam arkeopelancongan (B Bala, 2021). Meskipun masih tidak ramai, namun hakikatnya ada pelancong yang gemar akan tapak arkeologi dan digelar sebagai *archaeotourists*. Mereka ini dikatakan sangat tertarik terhadap sifat eksotik persekitaran yang mempunyai banyak tapak arkeologi sekaligus ingin meninjau sendiri sesuatu tapak arkeologi tersebut. Menerusi aktiviti ini, mereka akan merasakan satu pengalaman yang berbeza daripada destinasi pelancongan yang sedia ada. Pelancong juga akan disajikan dengan berbagai maklumat berkaitan tapak arkeologi yang mana memberi kepuasan mental melalui pintasan memori dan penghayatan warisan masa lalu.

## 2.4 Potensi Arkeopelancongan

Arkeopelancongan di negara kita merupakan salah satu destinasi yang semakin berkembang pesat, namun ia tidak memberi jaminan akan tahap kelestariannya. Hal ini kerana perkhidmatan yang ditawarkan boleh menjelaskan kualiti persekitaran. Justeru itu, konsep pelestarian dipraktikkan untuk tujuan pemuliharaan dan melihat sendiri potensi arkeopelancongan kepada negara (EA Choy, 2013). Hal ini adalah bertujuan

untuk menggalakkan peningkatan kunjungan pelancong tempatan mahupun pelancong dari luar negara.

#### **2.4.1 Peluang Pekerjaan**

Menurut penulisan Hafiz Ithnin (2018), kerja ekskavasi yang dilakukan di tapak kajian lazimnya menggunakan tenaga kerja manusia, oleh itu penduduk setempat secara tidak langsung akan terlibat dalam melakukan aktiviti itu. Hal ini sekaligus membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Sebagai contoh, jika industri pelancongan arkeologi di tempat tapak bersejarah Lembah Bujang memperkerjakan seseorang yang pakar dengan kawasan tersebut sebagai pemandu pelancong pasti akan merancakkan lagi sektor arkeopelancongan di kawasan berkenaan. Tambahan lagi, lazimnya pihak arkeologi akan menawarkan kerja kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menanti keputusan peperiksaan untuk bersama-sama dalam kerja cari gali. Sebagaimana yang diketahui, pasti ada sebilangan pelajar tidak gemar akan buku tetapi lebih cenderung kepada aktiviti secara langsung di luar bilik darjah untuk memahami sesuatu perkara. Hal ini meningkatkan minat mereka untuk menjadi ahli arkeologi pada masa akan datang apabila bersama-sama melakukan aktiviti penyelidik.

#### **2.4.2 Peluang Pendidikan**

Siti Nurul Saiha Moahamad yang merupakan seorang penuntut Universiti Sains Malaysia (USM) dalam ijazah doktor falsafah (PhD) Penyelidikan Arkeologi Global dalam pengkhususan pelancongan arkeo berkata dalam penulisan yang ditulis oleh Hafiz Ithnin (2018), segala aktiviti berkait kunjungan ke tapak warisan peninggalan sesuatu tamadun serta yang

menjurus ke arah kegiatan cari gali atau bahasa saintifiknya dipanggil ekskavasi adalah dinamakan sebagai pelancongan arkeo. Kebiasaanya, pengunjung yang mengunjungi ke tapak tinggalan warisan seperti Lenggong (Perak), Niah (Sarawak) dan Lembah Bujang (Kedah) beranggapan bahawa mereka hanya sekadar melawat dan melancong sahaja, namun apa yang tidak diketahui adalah apabila menjalankan aktiviti pelancongan arkeologi kita akan dibawa untuk melihat tinggalan masa silam tamadun manusia, sekaligus berpeluang untuk melihat ekskavasi yang dijalankan oleh pengkaji.

#### **2.4.3 Punca Pendapatan**

Jika dilihat statistik pelancongan di negara kita, Malaysia telah meningkat saban tahun. Berita Harian talian dalam keluaran artikelnnya pada tahun 2020 menyatakan bahawa pelancong antarabangsa yang berkunjung ke Malaysia sepanjang iaitu daripada Januari sehingga September adalah seramai 20.1 juta dan telah menjana pendapatan sebanyak RM66.1 bilion. Hal ini dapat dilihat bahawa sektor pelancongan memberi impak besar kepada pembangunan ekonomi negara. Justeru itu, beberapa produk berteraskan warisan yang berupaya dalam menarik pelancong asing untuk datang ke negara ini dan melihat sendiri aneka budaya dan keindahan habitat semula jadi yang ada sudah tentulah tapak warisan dunia yang telah diangkat pengiktirafannya oleh UNESCO (Zuliskandar et al, 2015)

## 2.5 Tapak Warisan

Malaysia mempunyai banyak potensi tapak warisan untuk diketengahkan terutama dalam lingkungan industri arkeopelancongan seperti tapak warisan arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah. Namun begitu, tidak semua tapak warisan negara yang sedia ada telah dilestarikan untuk tujuan berkenaan. Menurut Adnan Jusoh (2016), tapak warisan di negara ini boleh dikategorikan kepada tiga iaitu gua batu kapur, tapak terbuka serta monumen dan bangunan bersejarah.

### 2.5.1 Gua Batu Kapur

Gua batu kapur yang terdapat di Malaysia dikatakan adalah penyumbang besar maklumat sejarah di negara kita dengan hasil jumpaan pelbagai artifak dari masa silam dan tinggalan rangka manusia dalam bidang arkeologi. Gua merujuk kepada kewujudan terowong semulajadi yang terbentuk di kawasan pergunungan bukit atau batu kapur. Bentuk kedalaman gua mungkin hanya beberapa meter sahaja namun kadangkala boleh juga menular sehingga sepanjang beberapa kilometer di dalam sebuah kompleks bukit batu kapur. Gua juga kadangkala boleh wujud dalam satu jarak tertentu sehingga tembus ke pintu gua lain (Adnan Jusoh, 2007)

### 2.5.2 Tapak Terbuka

Menurut Adnan Jusoh (2016), bidang arkeologi juga meliputi kawasan tapak terbuka seperti Kawasan hutan, ladang, bukit, kawasan payau bakau, tepi sungai dan sebagainya yang mana lazimnya ia ditemukan secara tidak sengaja oleh masyarakat setempat seperti orang kampung, pencari hasil hutan, penoreh getah, petani dan lain-lain.

Disebabkan keberadaannya di kawasan yang terbuka, ia lebih mengarah untuk musnah dan hilang oleh kerana Malaysia merupakan negara dengan cuaca panas dan lembab sepanjang tahun serta faktor alam semulajadi seperti banjir.

### 2.5.3 Monumen dan Bangunan Bersejarah

Monumen dan bangunan bersejarah berkait rapat dengan bangunan-bangunan lama dan bersejarah yang mempunyai kerosakan, tidak sempurna dan cenderung untuk runtuh namun tinggi nilai estetikanya. Monumen dan bangunan bersejarah merangkumi candi, sejumlah istana, kota atau kubu pertahanan yang mana tinggalan daripada pembesar Melayu atau kerabat diraja ataupun peninggalan penjajah. (Adnan Jusoh, 2016). Akta Warisan Kebangsaan (2005) menjelaskan bahawa monumen adalah sebarang kerja berkait seni bina, membuat arca maupun mengecat monumen, elemen atau struktur daripada kelompok arkeologi, inskripsi, penghunian gua dan kombinasi ciri, yang menyandang nilai sejagat yang dominan dari sudut sejarah, seni atau sains.

## 2.6 Tapak Warisan Dunia di Malaysia

### 2.6.1 Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak

Tapak ini berada di dalam daerah Hulu Perak. Harta tanah di sini merangkumi empat lokasi arkeologi yang sudah hampir 2 juta tahun, dan merupakan salah satu catatan terpanjang mengenai manusia awal dan yang tertua di lokaliti tersebut. Menurut Zuliskandar Ramli et al. (2015), Lembah

Lenggong telah menerima kesan meteorit sekaligus telah mengubah komposisi batuan di persekitaran tersebut pada 1.83 juta tahun yang lalu. Ia mempunyai lokasi terbuka dan gua dengan bengkel alat Palaeolitik, bukti teknologi awal. Jumlah tapak yang dijumpai di kawasan yang relatif terkandung menunjukkan kehadiran populasi semi-sedentari yang cukup besar dengan tinggalan budaya dari zaman Palaeolitik, Neolitik dan Logam. Lembah Lenggong telah disenaraikan oleh UNESCO sebagai tapak Warisan Dunia secara rasmi pada 30 Jun 2012.

### **2.6.2 Taman Negara Mulu, Sarawak**

Kelebihan dari aspek biodiversiti dan ciri-ciri topografi karts yang terdapat pada Taman Negara Mulu, Sarawak menjadikan kawasan tersebut telah dipilih sebagai tapak warisan dunia. Disebabkan itu, ia menjadi kawasan penyelidikan karts tropika yang menjadi perhatian dunia. Pembentukan karts dibentuk daripada batuan berkarbonat seperti batu kapur, dolomite dan kadangkala gypsum (Zuliskandar Ramli et al. 2015). Terdapat tujuh belas zon flora, dan memperlihatkan sekitar 3.500 spesies flora vascular dalam taman seluas 52.864 hektar ini. Spesies sawitnya berlimpah ruah dengan kehadiran 109 spesies dalam dua puluh genera diperhatikan. Kawasan ini dikuasai oleh Gunung Mulu, puncak batu pasir setinggi 2.377m. Ekplorasi sepanjang 295km di dalam gua memberi gambaran yang mengagumkan dan telah menjadi rumah bagi tidak terhitungnya jumlah burung walit gua dan kelawar. Gua yang terdapat di kawasan tersebut merupakan ruang gua yang terbesar di dunia dengan ketinggian 80m. Pada tahun 2000, Taman Nasional Gunung Mulu diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

### 2.6.3 Taman Kinabalu, Sabah

Menurut laman sesawang UNESCO, Taman Kinabalu yang terletak di negeri Sabah berada di hujung utara pulau Borneo, dan ia dikuasai oleh Gunung Kinabalu (4.095m), iaitu gunung tertinggi di antara New Guinea dan Himalaya. Ia memiliki rentang lingkungan yang sangat luas, dari dataran rendah tropis dan hutan hujan bukit hingga hutan gunung tropis, hutan sub-alpine dan belukar di ketinggian yang lebih tinggi. Ia telah ditetapkan sebagai Pusat Kepelbagaiannya Tumbuhan untuk Asia Tenggara dengan kekayaan spesies tumbuhan contoh flora dari Malaysia, Australia, China dan Himalaya serta flora pan-tropika. Taman ini adalah salah satu taman nasional pertama di Malaysia yang wujud pada tahun 1964, dan telah diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia pertama di Malaysia oleh UNESCO pada Disember 2000.

### 2.6.4 Melaka dan George Town, Pulau Pinang

Malaka dan Georgetown telah makmur selama bertahun-tahun dalam perdagangan timur-barat dan pertukaran budaya di Selat Malaka. Dampak dari Asia dan seluruh Eropah telah memberikan kota-kota ini warisan keragaman budaya yang jelas dan tidak berwujud. Kehadiran bangunan, gereja, kawasan yang luas dan kubu pemerintahan menjadi tahap awal sejarah Melaka. Ia berakar pada abad ke-15 dari kesultanan Melayu dan era Portugis dan Belanda yang dimulai pada awal abad ke-16. George Town melambangkan dari akhir abad ke-18 era Inggeris dengan kewujudan bangunan kediaman dan komersial. Kedua bandar ini memberikan gambaran bandar seni bina dan budaya yang eksklusif di mana sahaja di Asia Timur dan Tenggara. Kedua bandar ini telah diiktiraf dengan rasminya secara bersama pada tahun 2008 sebagai tapak

Warisan Dunia di dalam persidangan kali ke-32 di Bandaraya Quebec, Kanada oleh Jawatankuasa Warisan Dunia (Zuliskandar Ramli et al. 2015)

## 2.7 Daya Tarikan Di Bukit Malawati

Majlis Perbandaran Kuala Selangor atau dipanggil MPKS telah menyenaraikan beberapa tempat menarik yang perlu dilawati apabila berkunjung ke Bukit Malawati ini yang telah dikongsikan dalam laman sesawang mereka. Berikut merupakan daya tarikan yang harus dikunjungi apabila tiba ke Bukit Malawati, Kuala Selangor ini.

### 2.7.1 Makam-makam

Bukit ini sememangnya telah menjadi tempat bersemayamnya para sultan, dan para pembesar pada ketika dahulu. Makam Diraja Selangor ini mempunyai 3 makam Sultan Selangor terdahulu iaitu Sultan Selangor Pertama - Sultan Salahuddin (1742-1778), Sultan Selangor Kedua - Sultan Ibrahim (1778-1826) dan Sultan Selangor Ketiga - Sultan Mahmud (1826-1857).

Selain itu, terdapat sebuah makam lagi yang dinamakan makam anak dara. Menurut lagenda, terdapat seorang anak gadis solehah yang didesak pada hari pernikahannya telah hilang secara tiba-tiba sewaktu sedang mengambil air wuduk di Sungai Selangor. Tidak lama selepas itu, anak gadisnya dikatakan ada menemui orang tuanya di dalam mimpi dan mencegah mereka mencarinya kerana beliau telah berada di suatu tempat yang tenang di satu kepulauan. Ibu bapanya hanya menemukan baju anak mereka yang tergantung pada sebatang pokok lalu mendirikan sebuah makam di situ.

### **2.7.2 Perigi Beracun**

Perigi ini mempunyai air yang mengandungi racun, serta hasil ramuan beberapa jenis getah dan miang rebung. Air dalam perigi ini dikatakan dipenuhi sehingga ke paras dagu sebagai cara penyiksaan kepada penderhaka. Ia ditempatkan di hadapan Muzium Kuala Selangor.

### **2.7.3 Tangga Seratus**

Tangga yang dibuat bagi memanjang Bukit Selangor mengarah terus sehingga ke pintu Malawati dari Pekan Kuala Selangor. Apabila kita menelusuri ke bawah tangga seratus ini sehingga ke penghujungnya, kita akan menjumpai sebuah kawasan yang dikenali Pengkalan Batu Buruk (berhampiran taman sekarang ini).

### **2.7.4 Telaga Tujuh**

Pada mulanya, sebuah telaga yang mempunyai 7 mata air ini dikatakan tidak pernah kering meskipun pada musim kemarau, namun kini boleh dilihat masih terdapat hanya beberapa buah sahaja yang masih berfungsi manakala yang lainnya telah tertimbun dengan tanah. Selain itu, air telaga ini dikatakan digunakan sebagai cara untuk membayar niat oleh segelintir masyarakat.

### **2.7.5 Batu Hampar**

Terdapat satu busut besar berukuran 5 x 5 x 2 kaki di atasnya yang terletak tepay pada pintu masuk Kota Malawati. Batu ini dijadikan tempat untuk memancung kepala penderhaka menurut lagenda. Berdasarkan satu riwayat di batu ini: kepala seorang gadis istana yang berzina telah dipenggal dan

persekitaran istana telah disirami dengan darahnya sebagai bentuk amaran kepada sesiapa yang menderhaka.

### 2.7.6 Kota Malawati

Ketika pemerintahan Sultan Selangor ke-2, kota ini telah dibina oleh orang-orang Melayu sebagai salah satu usaha mempertahankan Kuala Selangor dari serangan musuh ketika itu iaitu Belanda. Meriam dan kubu pertahanan telah melengkapkan kota ini sebagai satu bentuk pelindungan di samping kedudukannya yang strategik kerana berada di atas bukit.

## 2.8 Penutup

Perkembangan pesat dalam industri pelancongan tidak hanya dapat dikenalpasti di Malaysia malahan di segenap dunia. Industri pelancongan telah menjadi salah satu sektor yang lebih cenderung kepada pembangunan arus globalisasi. Hal ini kerana sektor pelancongan berkembang secara meluas dan mempengaruhi pelbagai aspek termasuklah sosio politik serta kewangan dalam sebuah negara (Fauziah Che Leh, 2016.) Terdapat pelbagai jenis pelancongan antaranya adalah pelancongan melalui warisan ataupun arkeopelancongan. Arkeopelancongan adalah satu daripada aktiviti pelancongan yang penting kepada negara. Meskipun ia masih muda dalam industri pelancongan, ia seharusnya tidak seharusnya di pandang sepi.

Menurut Hasan Mohamed Zakaria et al. (2019), Putrajaya dan Shah Alam menawarkan jumlah tarikan yang hampir sama dengan Kuala Selangor. Namun, kedua-dua destinasi tersebut menerima jumlah pengunjung yang lebih tinggi berbanding Kuala Selangor. Disebabkan itu, satu usaha perlu dilakukan dalam menarik pelancong untuk berkunjung ke Kuala Selangor kerana ia menawarkan kepelbagai tarikan yang

lebih unik. Pada tahun 2013, Bukit Malawati dinyatakan menerima jumlah pengunjung yang lebih tinggi berbanding tarikan disekitarnya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Bukit Malawati merupakan sebuah kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai tapak arkeopelancongan di negeri Selangor.

Dalam penulisan artikel Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekutaran pada 2015, ia menyatakan bahawa pelancong asing yang kebanyakannya dari Asia Tenggara telah melawat bandar Georgetown dan Melaka manakala tapak arkeologi seperti Lembah Lenggong masih kurang menarik pelancong asing untuk mengunjungi kawasan tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelancong hanya tertarik dengan tapak warisan dunia yang telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO sahaja. Namun begitu, Malaysia masih mempunyai banyak tapak pelancongan warisan yang boleh dikunjungi jika dilestarikan dengan baik. Justeru itu, masyarakat setempat mahupun yang luar dari Kuala Selangor perlu bersama-sama dalam meluaskan industri ini agar masyarakat tahu akan kepentingan dan nilai sejarah serta warisan di negara kita.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi kajian menggunakan langkah maupun rencana bagi merealisasikan sesuatu objektif atau tujuan pelaksanaan kajian. Metodologi kajian ini membolehkan perjalanan penyelidikan ini lebih terarah untuk mencapai objektif yang ditetapkan dan membolehkan kajian yang dijalankan lebih sistematik (F. Salleh, 2003). Kajian yang dilaksanakan mestilah mempunyai strategi yang paling tepat dan mencukupi untuk merespons kepada permasalahan kajian (NS Ismail Zawawi, 2015) Penyelidik membuat perancangan dengan lebih teratur bagi mengenalpasti metodologi kajian yang digunakan untuk memperoleh informasi dan data melalui pelbagai cara. Kamus Dewan Edisi Keempat pula menyatakan bahawa metodologi memberi erti menggunakan satu pola yang meliputi langkah dan dasar dalam melakukan sesuatu aktiviti atau aturan.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk penyelidikan ini akan menerangkan macam mana info dan maklumat itu diperoleh oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian (CH Norhayati, 2011). Dalam pengkajian ini, pengkaji menggunakan prosedur kualitatif dan prosedur kuantitatif. Kajian ini menerapkan kaedah penyelidikan internet iaitu mengumpul data daripada pelbagai sumber seperti, laman sesawang, jurnal, tesis, dan bahan bertulis secara dalam talian yang sah. Dengan penggunaan pelbagai sumber, segala data yang dikumpul oleh penyelidik adalah bagi memastikan setiap kandungan diisi dengan maklumat yang tepat dan sesuai dengan penyelidikan yang dijalankan ini. Seterusnya pendekatan sejarah adalah untuk mengetahui susur galur sejarah Kuala Selangor dan peristiwa disebaliknya. Pelaksanaan analisis informasi yang diterima akan menggunakan cara analisis yang berkaitan.

### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merangkumi peralatan yang diguna pakai oleh pengkaji untuk menjalakan penyelidikan. Ia menjadi asas kepada cara pemerolehan data untuk mencapai objektif kajian dan menjawab sebarang kemosykilan penyelidikan yang telah ditetapkan seperti yang dikehendaki pengkaji. Instrumentasi ialah proses penyediaan alatan mengumpul data (Shila, A, 2018). Hal ini adalah untuk memudahkan urusan pengkaji bagi mendapatkan data dan berjalan dengan baik.

#### 3.3.1 Kaedah Pemerhatian

Kedah ini lazimnya tidak membabitkan perhubungan secara langsung dengan manusia. Bidang antropologi atau kajian tentang kehidupan masyarakat pula adalah kaedah pemerhatian melalui penglibatan. Untuk lebih dekat dan

faham tentang sesuatu isu dalam masyarakat tersebut, kebiasaananya penyelidik akan menceburkan diri dengan komunitas yang ingin dikaji itu (Jasmi, K. A., 2012)

### 3.3.2 Kaedah Soal Selidik

Satu figura kajian yang disukai ramai dalam penyelidikan adalah kajian menggunakan kaedah soal selidik. Kaedah ini boleh melibatkan aspek secara meluas dan boleh dilaksanakan dengan mudah serta maklumat berkaitan dengan responden boleh dirahsiakan (AJ Muhammad Fahmi, 2012). Kaedah soal selidik yang dikemukakan kepada responden dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

**Bahagian A** – meliputi persoalan asas yang berhubung dengan informasi demografi atau kondisi responden seperti jantina, umur, dan pekerjaan. Responden perlu menyatakan (/) pada ruangan yang tersedia.

**Bahagian B** – terdiri daripada beberapa soalan berkaitan persoalan kajian yang dilakukan. Skala Likert 5 Mata akan digunakan sebagai mengenal pasti tahap persetujuan responden bagi setiap pernyataan. Bagi setiap persoalan, pengkaji akan menyediakan 5 cadangan jawapan dan responden hanya perlu menandakan jawapan yang dipilih. Tahap persetujuan Skala Likert 5 Mata yang digunakan ditunjukkan dalam jadual seperti berikut:

Jadual 3.1: Skala Likert 5 Mata

Skala	Tahap
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Sederhana (SH)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

### 3.4 Prosedur Pungutan Data

Pengkaji menggunakan rujukan internet dan bahan kajian lepas sebagai prosedur mengumpulkan data. Tambahan lagi, pengkaji yakin bahawa kajian ini bukanlah hanya semata-mata untuk melihat kepentingan Bukit Malawati itu sendiri, malah dapat melihat usaha yang boleh dilakukan untuk menghargai warisan kepada generasi yang akan datang.

### 3.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data yang diguna pakai adalah untuk memberi jawapan kepada persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab 1. Menurut Ummi Adibah (2019), kaedah analisis data ialah tahap penyelidikan untuk menjawab rumusan masalah dimana data telah dikumpul dan bersedia untuk diproses. Apa sahaja yang berkait dengan pengurusan dan pemprosesan data dipanggil sebagai analisis data. Kaedah yang digunakan boleh dirujuk dalam jadual yang tertera. Jadual di bawah menunjukkan persoalan kajian dan kaedah kajian yang digunakan untuk melaksanakan penyelidikan.

Jadual 3.2: Kaedah Analisis Data

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
i. Apakah keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor?	Pemerhatian & Soal Selidik
ii. Apakah potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeo pelancongan negara?	Soal Selidik
iii. Apakah usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati?	Soal Selidik

### 3.6 Penutup

Secara menyeluruhnya dapat dilihat bahawa bab ini memberitahu kajian yang dilakukan oleh pengkaji, bagaimana sumber maklumat itu diperolehi dan kaedah apa yang diaplikasikan. Penerangan yang ditulis oleh pengkaji adalah bagi menjawab persoalan kajian yang ditetapkan. Instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji akan menentukan tanda arah keberkesanan kajian ini. Kepentingan kajian penyelidikan adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, memberi informasi yang boleh dilihat oleh komunitas bagi kemajuan dalaman dan luaran manusia, mengurangkan konsekuensi negatif kepada pertambahan konsekuensi positif melalui logik akal dan kenyataan dalam sistem pemikiran manusia, menjelaskan satu fakta melalui penemuan fahaman baru yang menyatakan punca dan implikasi serta sumbangannya penyelidik berpandukan matlamat yang condong kepada kebaikan (Ang Kean Hua, 2016)

Pada bab ini, ia membentang penemuan analisis melalui kaedah yang digunakan iaitu mengguna penulisan pemahaman dan disusun berdasarkan sorotan kajian yang telah diputuskan dalam bab 2 (Mokmin Basri, 2012). Penggunaan kaedah ini akan membantu pengkaji mendapatkan respondan yang akan membantu menjayakan kajian penyelidikan ini. Setiap apa yang dilakukan dalam bab ini adalah untuk membantu pengkaji melengkapkan kajian. Segala sumber yang diperolehi adalah berilmiah dan berguna sebagai panduan kepada kajian yang dijalankan. Semoga maklumat yang diperolehi dari penyelidikan ini dapat memberi penanda aras dan sumber data tambahan kepada para pengkaji lain.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini akan merungkai segala persoalan yang diajukan pada awal bab dan menjawab segala objektif yang dikemukakan oleh pengkaji. Bahagian ini menerangkan hasil analisis data berdasarkan maklum balas responden terhadap tinjauan yang telah dilaksanakan mengenai potensi bagi pelestarian Bukit Malawati Kuala Selangor sebagai tapak arkeopelancongan di Malaysia. Dapatan kajian ini merangkumi 3 objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji pada awal bab. Yang pertama ialah mengenalpasti keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor. Seterusnya, mengkaji potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeo pelancongan negara. Objektif terakhir pula ialah mengenalpasti usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati.

Sebelum menggunakan kaedah soal selidik, pengkaji telah melakukan kaedah pemerhatian dengan mengunjungi kawasan kajian untuk melihat keadaan persekitaran kawasan semasa. Apa yang boleh pengkaji katakan ialah jumlah pengunjung yang mengunjungi Bukit Malawati tidak seperti kebiasaannya. Hal ini kerana sebagaimana yang kita ketahui bahawa negara masih berada di dalam pandemik COVID-19. Oleh itu, masyarakat sekitar masih takut dan risau untuk keluar berjalan tanpa alasan yang kukuh. Namun begitu, pengkaji melihat ada beberapa yang datang berkunjung ke kawasan tersebut terutamanya pada waktu petang. Dari pemerhatian pengkaji, kebanyakkan pengunjung ialah dari golongan muda yang datang secara sendiri mahupun bersama kawan dalam kelompok kecil untuk beriadah. Kehadiran mereka ke kawasan tersebut mungkin untuk menghirup udara segar di luar pula setelah lama duduk di dalam rumah.


Untuk mengurangi risiko terhadap wabak pandemik COVID-19, pengkaji telah melakukan kajian di Bukit Malawati, Kuala Selangor dengan mengedarkan borang kaji selidik secara atas talian dan diberikan secara rawak kepada individu yang pernah berkunjung ke kawasan tersebut. Semua hasil keputusan yang diperolehi telah dibentangkan dalam bentuk carta pai, graf dan jadual. Hasil daripada keputusan dan analisis data yang dikumpul daripada responden yang terlibat telah memberi pengkaji gambaran yang lebih luas dan sedar akan kepentingan Bukit Malawati sebagai produk pelancongan di Kuala Selangor khususnya negeri Selangor. Analisis data dari borang kaji selidik yang dilakukan diterjemahkan menerusi jadual taburan frekuensi iaitu untuk menunjukkan bilangan dan peratus.

## 4.2 Analisis Demografi responden

### 4.2.1 Jantina

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	61	39.4
Perempuan	94	60.6
Jumlah	155	100.0




Rajah 4.1: Peratus Responden Berdasarkan Jantina

Berdasarkan jadual 4.1 dan rajah 4.1, responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 155 orang (100.0%) yang terdiri daripada 61 orang responden lelaki iaitu mewakili 39.4% dan 94 orang responden perempuan iaitu mewakili 60.6% daripada keseluruhan responden. Oleh itu, kita dapat lihat bahawa majoriti responden dalam kalangan perempuan yang menjawab kaji selidik ini berbanding lelaki.

#### 4.2.2 Umur

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Umur

	Bilangan	Peratus (%)
Bawah 18 tahun	21	13.8
19 – 30 tahun	110	71
31 – 45 tahun	14	9
46 – 59 tahun	9	5.8
Atas 60 tahun	1	0.6




Rajah 4.2: Peratus Responden Berdasarkan Umur

Jadual 4.2 dan rajah 4.2 menunjukkan perkadaruan umur mengikut kelas umur tertentu. Seperti yang dapat dilihat, sebahagian besar responden dalam tinjauan ini berada dalam kelompok usia 19 hingga 30 tahun dengan catatan peratusan sebanyak 71% manakala perkadaruan kecil sebanyak 0.6% merupakan responden dalam kelompok usia atas 60 tahun.

### 4.2.3 Bangsa

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Bangsa

	Bilangan	Peratus (%)
Melayu	150	96.8
Cina	1	0.6
India	0	0
Bumiputera Sabah/Sarawak	3	1.9
Lain-lain	1	0.6




Rajah 4.3: Peratus Responden Berdasarkan Bangsa

Jadual 4.3 dan rajah 4.3 menunjukkan bahawa 96.8% adalah responden Melayu, diikuti 1.9% dari bumiputera Sabah dan Sarawak, manakala selebihnya sebanyak 0.6% terdiri dari bangsa cina dan lain-lain. Ini mungkin disebabkan peratusan tertinggi yang tinggal di Malaysia terdiri daripada kaum Melayu. Oleh itu, majoriti responden adalah orang Melayu.

#### 4.2.4 Tahap Pendidikan

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

	Bilangan	Peratus (%)
Tiada Pendidikan formal	0	0
Sekolah rendah	0	0
Sekolah Menengah	27	17.4
Diploma	42	27.1
Ijazah	76	49
Lain-lain	10	6.5




Rajah 4.4: Peratus Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan

Jadual 4.4 dan rajah 4.4 menunjukkan peratusan tertinggi adalah tahap pendidikan ijazah iaitu 49% atau seramai 76 orang. Seterusnya diikuti oleh tahap pendidikan peringkat diploma iaitu 27.1% atau 42 orang dan 17.4% atau 27 orang di sekolah menengah. Manakala tiada peratusan bagi status tidak berpendidikan formal dan sekolah rendah.

#### 4.2.5 Pekerjaan

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

	Bilangan	Peratus (%)
Sektor kerajaan	19	12.3
Sektor swasta	19	12.3
Bekerja sendiri	14	9
Tidak Bekerja/suri rumah/pesara	14	9
Pelajar	89	57.4



Rajah 4.5: Peratus Responden Berdasarkan Pekerjaan


Jadual 4.5 dan rajah 4.5 menunjukkan bahawa 57.4% adalah responden dalam kalangan pelajar diikuti dengan 12.3% dari sektor kerajaan dan sektor swasta, manakala selebihnya terdiri dari orang yang bekerja sendiri dan tidak bekerja, suri rumah mahupun pesara yang masing-masing mewakili sebanyak 9%. Ini mungkin disebabkan kaji selidik ini diedarkan di atas talian yang mana

penggunaanya majoriti adalah pelajar. Oleh itu, majoriti responden adalah dalam kalangan pelajar sekolah mahupun pelajar universiti.

#### 4.2.6 Negeri

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Negeri

	Bilangan	Peratus (%)
Perlis	1	0.6
Kedah	8	5.2
Pulau Pinang	3	1.9
Perak	19	12.3
Selangor	76	49
Wilayah Persekutuan	6	3.9
Negeri Sembilan	4	2.6
Melaka	1	0.6
Johor	14	9
Pahang	6	3.9
Terengganu	3	1.9
Kelantan	10	6.5
Sabah	2	1.3
Sarawak	2	1.3



Rajah 4.6: Peratus Responden Berdasarkan Negeri


Jadual 4.6 dan rajah 4.6 menunjukkan bahawa peratusan tertinggi bagi negeri yang sering berkunjung ke Bukit Malawati ialah negeri Selangor yang mewakili sebanyak 49% daripada peratusan keseluruhan responden. Hal ini kerana kawasan tersebut berada di dalam negeri Selangor dan merupakan salah satu lokasi yang wajib dikunjungi apabila tiba di Kuala Selangor. Seterusnya, diikuti oleh negeri Perak sebanyak 12.3% dan negeri Johor sebanyak 9%. Negeri yang paling kurang peratusan ialah negeri Melaka dan Perlis yang mana masing-masing hanya mewakili sebanyak 0.6%.

### 4.3 Persoalan Kajian 1: Apakah keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor

#### 4.3.1 Bentuk Kunjungan

Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Bentuk Kunjungan

	Bilangan	Peratus (%)
Bersendirian	15	9.7
Pasangan	8	5.2
Keluarga	68	43.9
Kawan	45	29
Berkumpulan	19	12.3



Rajah 4.7: Peratus berdasarkan bentuk kunjungan


Berdasarkan jadual 4.7 dan rajah 4.7, orang lebih gemar berkunjung ke Bukit Malawati bersama keluarga sebanyak 43.9% bersamaan 68 responden. Kemudian diikuti oleh bersama kawan seramai 45 responden atau 29% dan secara berkumpulan seramai 19 responden atau 12.3%. Seterusnya, secara bersendirian yang mewakili 9.7% atau 15 orang responden. Manakala peratusan

paling sedikit adalah yang datang secara berpasangan iaitu hanya 8 orang responden atau 5.2%.

#### 4.3.2 Waktu Kunjungan

Jadual 4.8: Taburan Responden Mengikut Waktu Kunjungan

	Bilangan	Peratus (%)
7 - 9 pagi	21	13.5
9 - 11 pagi	59	38.1
11 - 1 tengah hari	11	7.1
1- 3 petang	13	8.4
3 - 5 petang	31	20
5 - 7 malam	20	12.9



Rajah 4.8: Peratus berdasarkan waktu kunjungan


Jadual 4.8 dan rajah 4.8 menunjukkan peratusan tertinggi waktu kunjungan ialah pada pukul 9 hingga 11 pagi iaitu sebanyak 38.1% atau 59 orang responden. Seterusnya, seramai 31 responden memilih berkunjung pada pukul 3 hingga 5 petang yang mewakili 20% daripada keseluruhan peratusan.

Kemudian, responden memilih waktu kunjungan pada 7 hingga 9 pagi sebanyak 13.5% diikuti dengan 12.9% responden memilih pada pukul 5 hingga 7 malam. 8.4% daripada peratusan ialah responden yang memilih untuk berkunjung pada pukul 1 hingga 3 petang. Peratusan terendah ialah pada pukul 11 hingga 1 tengahari yang mewakili sebanyak 7.1%.

#### 4.3.3 Hari Kunjungan

Jadual 4.9: Taburan Responden Mengikut Hari Kunjungan

	Bilangan	Peratus (%)
Hari bekerja	16	10.3
Hujung minggu	78	50.3
Cuti umum	20	12.9
Cuti persekolahan	10	6.5
Bila-bila masa	31	20



Rajah 4.9: Peratus berdasarkan hari kunjungan


Jadual 4.9 dan rajah 4.9 menunjukkan bahawa majoriti sebanyak 50.3% responden memilih pada hujung minggu diikuti dengan bila-bila masa sebanyak

20%. 12.9% responden memilih hari cuti umum dan 10.3% memilih hari bekerja sebagai hari kunjungan mereka. Manakala selebihnya sebanyak 6.5% memilih cuti persekolahan.

#### 4.3.4 Aktiviti Kunjungan

Jadual 4.10: Taburan Responden Mengikut Aktiviti Kunjungan

AKTIVITI KUNJUNGAN	STS	TS	SH	S	SS
Bersiar-siar	3	0	14	65	73
Berjoging	3	5	41	60	46
Berbasisikal	6	12	54	49	34
Mengambil gambar	2	0	15	58	80
Menikmati keindahan alam	2	1	13	50	89
Mempelajari ilmu sejarah	3	1	26	56	69
Memenuhi senarai impian	2	11	43	48	51
Mencuba sesuatu yang baru	2	7	35	56	55
Melihat kesan tinggalan sejarah	3	1	21	54	76
Melihat pelbagai spesis monyet	4	6	40	49	56



Rajah 4.10: Graf Responden Berdasarkan Aktiviti Kunjungan

Jadual 4.10 dan rajah 4.10 menunjukkan tahap setuju responden pada pernyataan aktiviti kunjungan yang dinyatakan oleh pengkaji. Dalam


pernyataan pertama iaitu bersiar-siar seramai 73 responden sangat setuju, 65 setuju, 14 sederhana dan hanya 3 responden sangat tidak setuju. Untuk berjoging, terdapat 46 sangat setuju, 60 responden setuju, 41 sederhana, 5 tidak setuju dan hanya 3 sangat tidak setuju. Aktiviti berbasikal memperlihatkan bahawa terdapat 6 sangat tidak setuju, 12 tidak setuju, 54 sederhana, 49 setuju manakala 34 sangat setuju. Pada aktiviti mengambil gambar seramai 80 responden sangat setuju, 58 setuju, 15 sederhana dan hanya 2 sangat tidak bersetuju, 89 sangat setuju akan aktiviti menikmati keindahan alam, 50 setuju, 13 sederhana, 1 tidak setuju dan terdapat 2 sangat tidak setuju.

Dalam pernyataan seterusnya iaitu mempelajari ilmu sejarah seramai 69 responden sangat setuju, 56 setuju, 26 sederhana, 1 tidak setuju dan hanya 2 responden sangat tidak setuju. Untuk pernyataan memenuhi senarai impian, terdapat 51 sangat setuju, 48 setuju, 43 sederhana, 11 tidak setuju dan hanya 2 sangat tidak setuju. Aktiviti mencuba sesuatu yang baru memperlihatkan bahawa terdapat 2 sangat tidak setuju, 7 tidak setuju, 35 sederhana, 56 setuju manakala 55 sangat setuju. Pada aktiviti melihat kesan tinggalan sejarah seramai 76 responden sangat setuju, 54 setuju, 21 sederhana, 1 tidak setuju dan hanya 3 sangat tidak bersetuju, 56 sangat setuju akan aktiviti melihat pelbagai spesis monyet, 49 setuju, 40 sederhana, 6 tidak setuju dan terdapat 4 sangat tidak setuju.

### 4.3.5 Keadaan Persekutaran

Jadual 4.11: Taburan Responden Mengikut Keadaan Persekutaran

KEADAAN PERSEKITARAN	STS	TS	SH	S	SS
Penyediaan tong sampah	2	1	34	70	48
Tempat letak kenderaan	3	6	34	63	49
Tempat rehat	2	3	33	65	52
Tandas awam	2	3	44	56	50
Kawasan rekreasi	2	1	25	69	58
Perkhidmatan trem	2	2	36	70	45
Taman permainan kanak-kanak	2	4	39	60	50
Papan tanda petunjuk	2	2	22	80	49
Papan tanda amaran	2	3	28	67	55
Kebersihan kawasan	2	3	24	80	46



Rajah 4.11: Graf Responden Berdasarkan Keadaan Persekutaran

Jadual 4.11 dan rajah 4.11 menunjukkan tahap setuju responden pada pernyataan keadaan persekitaran yang dinyatakan oleh pengkaji. Dalam pernyataan pertama iaitu penyediaan tong sampah seramai 48 responden sangat setuju, 70 setuju, 34 sederhana, 1 tidak setuju dan hanya 2 responden sangat tidak setuju. Untuk tempat letak kenderaan, terdapat 49 sangat setuju, 63

responden setuju, 34 sederhana, 6 tidak setuju dan hanya 3 sangat tidak setuju. Keadaan tempat rehat memperlihatkan bahawa terdapat 2 sangat tidak setuju, 3 tidak setuju, 33 sederhana, 65 setuju manakala 52 sangat setuju. Pada keadaan tandas awam seramai 50 responden sangat setuju, 56 setuju, 44 sederhana, 3 tidak setuju dan hanya 2 sangat tidak bersetuju, 58 sangat setuju akan keadaan kawasan rekreasi, 69 setuju, 25 sederhana, 1 tidak setuju dan terdapat 2 sangat tidak setuju.


Dalam pernyataan seterusnya iaitu perkhidmatan trem seramai 45 responden sangat setuju, 70 setuju, 36 sederhana, 2 tidak setuju dan hanya 2 responden sangat tidak setuju. Untuk pernyataan taman permainan kana-kanak, terdapat 50 sangat setuju, 60 setuju, 39 sederhana, 4 tidak setuju dan hanya 2 sangat tidak setuju. Keadaan papan tanda petunjuk memperlihatkan bahawa terdapat 2 sangat tidak setuju, 3 tidak setuju, 22 sederhana, 80 setuju manakala 49 sangat setuju. Pada keadaan papan tanda amaran seramai 55 responden sangat setuju, 67 setuju, 28 sederhana. 3 tidak setuju dan hanya 2 sangat tidak bersetuju, 46 sangat setuju akan keadaan kebersihan kawasan, 80 setuju, 24 sederhana, 3 tidak setuju dan terdapat 2 sangat tidak setuju.

#### 4.4 Persoalan Kajian 2: Apakah potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeopelancongan negara

##### 4.4.1 Sosial

Jadual 4.12: Taburan Responden Mengikut Sosial

SOSIAL	STS	TS	SH	S	SS
Peningkatan taraf hidup	2	3	34	74	42
Peningkatan pelancong domestik dan antarabangsa	2	3	22	72	56
Memupuk rasa cinta akan negara	2	0	19	71	63
Menambah kekayaan budaya bangsa	2	0	23	72	58
Daya Penarik pelancong domestik dan antarabangsa	2	2	16	74	61



Rajah 4.12: Graf Responden Berdasarkan Sosial

Hasil daripada borang soal selidik dalam jadual 4.12 dan rajah 4.12 menunjukkan bahawa potensi pelancongan Bukit Malawati dalam sektor arkeopelancongan negara dari segi sosial mendapat tindak balas yang baik

daripada responden. Bagi pernyataan pertama iaitu peningkatan taraf hidup, seramai 42 orang sangat bersetuju, majoriti daripada responden seramai 74 orang pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 34 memilih sederhana, 3 responden tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.


Pernyataan seterusnya iaitu peningkatan pelancong domestik dan antarabangsa memperlihatkan bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 3 tidak setuju, 22 responden memilih sederhana, majoriti seramai 72 bersetuju manakala selebihnya seramai 56 sangat setuju. Dalam pernyataan ketiga iaitu memupuk rasa cinta akan negara, seramai 63 orang sangat bersetuju, majoriti daripada responden seramai 71 orang pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 19 memilih sederhana, tiada yang tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.

Pernyataan seterusnya iaitu menambah kekayaan budaya bangsa dapat kita lihat bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, tiada yang tidak setuju, 23 responden memilih sederhana, majoriti seramai 72 bersetuju manakala selebihnya seramai 58 sangat setuju. Dalam pernyataan yang terakhir iaitu daya penarik pelancong domestik dan antarabangsa, seramai 61 orang sangat bersetuju, majoriti daripada responden seramai 74 orang pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 16 memilih sederhana, 2 responden tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.

#### 4.4.2 Ekonomi

Jadual 4.13: Taburan Responden Mengikut Ekonomi

EKONOMI	STS	TS	SH	S	SS
Peluang pekerjaan	4	4	43	54	50
Perkembangan teknologi digital	2	7	36	65	45
Peluang menjana pendapatan	2	3	32	66	52
Aset pelaburan negara	2	2	33	70	48
Lokasi acara pelancongan	2	3	23	73	54



Rajah 4.13: Graf Responden Berdasarkan Ekonomi

Hasil daripada borang soal selidik dalam jadual 4.13 dan rajah 4.13 menunjukkan bahawa potensi pelancongan Bukit Malawati dalam sektor arkeopelancongan negara dari segi ekonomi mendapat tindak balas yang baik daripada responden. Bagi pernyataan pertama iaitu peluang pekerjaan, seramai 50 orang sangat bersetuju, majoriti daripada responden seramai 54 orang pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 43 memilih sederhana, 4 responden tidak setuju manakala hanya 4 orang sangat tidak setuju.


Pernyataan seterusnya iaitu perkembangan teknologi digital dan antarabangsa memperlihatkan bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 7 tidak setuju, 36 responden memilih sederhana, majoriti seramai 65 bersetuju manakala selebihnya seramai 45 sangat setuju. Dalam pernyataan ketiga iaitu peluang menjana pendapatan, seramai 52 orang sangat bersetuju, majoriti daripada responden seramai 66 orang pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 32 memilih sederhana, 3 responden tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.

Pernyataan seterusnya iaitu asset pelaburan negara dapat kita lihat bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 2 responden tidak setuju, 33 responden memilih sederhana, majoriti seramai 70 bersetuju manakala selebihnya seramai 48 sangat setuju. Dalam pernyataan yang terakhir iaitu lokasi acara pelancongan, seramai 54 orang sangat bersetuju, majoriti daripada responden seramai 73 orang pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 23 memilih sederhana, 3 responden tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.

#### 4.4.3 Pendidikan

Jadual 4.14: Taburan Responden Mengikut Pendidikan

PENDIDIKAN	STS	TS	SH	S	SS
Bukti kawasan bersejarah	2	2	22	53	76
Peluang Pendidikan	2	3	25	60	65
Promosi kawasan bersejarah	2	3	22	54	74
Menambah ilmu pengetahuan	2	1	22	49	81
Pusat tumpuan berkaitan pelancongan	2	2	19	59	73



Rajah 4.14: Graf Responden Berdasarkan Pendidikan

Hasil daripada borang soal selidik dalam jadual 4.14 dan rajah 4.14 menunjukkan bahawa potensi pelancongan Bukit Malawati dalam sektor arkeopelancongan negara dari segi pendidikan mendapat tindak balas yang baik daripada responden. Bagi pernyataan pertama iaitu bukti kawasan bersejarah, majoriti daripada responden seramai 76 orang sangat bersetuju, seramai 53 responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 22 memilih sederhana, 2 responden tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.

Pernyataan seterusnya iaitu peluang pendidikan memperlihatkan bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 3 tidak setuju, 25 responden memilih sederhana, seramai 60 bersetuju manakala selebihnya majoriti seramai 65 sangat setuju. Dalam pernyataan ketiga iaitu promosi kawasan bersejarah, majoriti daripada responden seramai 74 orang sangat bersetuju, seramai 54 daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 22 memilih sederhana, 3 tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.


Pernyataan seterusnya iaitu menambah ilmu pengetahuan dapat kita lihat bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 1 tidak setuju, 22 responden memilih sederhana, seramai 49 bersetuju manakala selebihnya majoriti seramai 81 sangat setuju. Dalam pernyataan yang terakhir iaitu pusat tumpuan berkaitan pelancongan, majoriti daripada responden seramai 73 orang sangat bersetuju, seramai 59 daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 19 memilih sederhana, 2 tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.

#### **4.5 Persoalan Soalan Kajian 3: Apakah usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati**

##### **4.5.1 Alam Sekitar**

Jadual 4.15: Taburan Responden Mengikut Alam Sekitar

ALAM SEKITAR	STS	TS	SH	S	SS
Menjaga kawasan persekitaran	2	0	14	49	90
Mengurangkan sampah sarap	2	1	15	43	94
Meminimakan pencemaran	2	1	16	43	93
Menjaga perubahan landskap	3	1	14	52	85
Menjaga kebersihan lingkungan	2	0	15	46	92



Rajah 4.15: Graf Responden Berdasarkan Alam Sekitar

Analisis daripada borang soal selidik dalam jadual 4.15 dan rajah 4.15 menunjukkan bahawa usaha pelestarian Bukit Malawati dari segi alam sekitar mendapat tindak balas yang baik daripada responden. Bagi pernyataan pertama iaitu menjaga kawasan persekitaran, majoriti daripada responden seramai 90 orang sangat bersetuju, seramai 49 responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 14 responden memilih sederhana, tiada responden yang tidak setuju manakala hanya 2 orang sangat tidak setuju.

Pernyataan seterusnya iaitu mengurangkan sampah sarap memperlihatkan bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 1 tidak setuju, 15 responden memilih sederhana, seramai 43 bersetuju manakala selebihnya majoriti seramai 94 sangat setuju. Dalam pernyataan ketiga iaitu meminimakan pencemaran, majoriti daripada responden seramai 93 orang sangat bersetuju, seramai 43 daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 16 memilih sederhana, 1 tidak setuju manakala terdapat 2 orang sangat tidak setuju.


Pernyataan seterusnya iaitu menjaga perubahan landskap dapat kita lihat bahawa terdapat hanya 3 sangat tidak setuju, 1 tidak setuju, 14 responden

memilih sederhana, seramai 52 bersetuju manakala selebihnya majoriti seramai 85 sangat setuju. Dalam pernyataan yang terakhir iaitu menjaga kebersihan lingkungan, majoriti daripada responden seramai 92 orang sangat bersetuju, seramai 46 daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 15 memilih sederhana, tiada yang tidak setuju manakala terdapat 2 orang sangat tidak setuju.

#### 4.5.2 Pemasaran

Jadual 4.16: Taburan Responden Mengikut Pemasaran

PEMASARAN	STS	TS	SH	S	SS
Mengadakan kempen	3	2	22	61	67
Mengadakan aktiviti pendidikan	2	3	23	49	78
Mengadakan acara rutin	3	2	22	62	66
Promosi kesenian pelancongan	2	2	18	58	75
Menggalakan promosi secara digital	2	4	20	49	80



Rajah 4.16: Graf Responden Berdasarkan Pemasaran

Analisis daripada borang soal selidik dalam jadual 4.16 dan rajah 4.16 menunjukkan bahawa usaha pelestarian Bukit Malawati dari segi pemasaran mendapat tindak balas yang baik daripada responden. Bagi pernyataan pertama iaitu menggalakan kempen, majoriti daripada responden seramai 67 orang sangat bersetuju, seramai 61 responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 22 responden memilih sederhana, 2 responden tidak setuju manakala terdapat 3 orang sangat tidak setuju.


Pernyataan seterusnya iaitu mengadakan aktiviti pendidikan memperlihatkan bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 3 tidak setuju, 23 responden memilih sederhana, seramai 49 bersetuju manakala selebihnya majoriti seramai 78 sangat setuju. Dalam pernyataan ketiga iaitu mengadakan acara rutin, majoriti daripada responden seramai 66 orang sangat bersetuju, seramai 62 daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 22 memilih sederhana, 2 tidak setuju manakala terdapat 3 orang sangat tidak setuju.

Pernyataan seterusnya iaitu promosi kesenian pelancongan dapat kita lihat bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 18 responden memilih sederhana, seramai 58 bersetuju manakala selebihnya majoriti seramai 75 sangat setuju. Dalam pernyataan yang terakhir iaitu menggalakan promosi secara digital, majoriti daripada responden seramai 80 orang sangat bersetuju, seramai 49 daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 20 memilih sederhana, 4 tidak setuju manakala terdapat 2 orang sangat tidak setuju.

### 4.5.3 Pengurusan

Jadual 4.17: Taburan Responden Mengikut Pengurusan

PENGURUSAN	STS	TS	SH	S	SS
Jalankan aktiviti penyelenggaraan berkala	2	4	16	53	80
Menambah baik Infrakstruktur	2	6	13	55	79
Mencegah kerosakan angkara manusia	2	4	13	48	88
Menguatkuasakan undang undang	2	5	16	44	88
Menyediakan sumber maklumat elektronik	2	3	17	50	83



Rajah 4.17: Graf Responden Berdasarkan Pengurusan

Analisis daripada borang soal selidik dalam jadual 4.17 dan rajah 4.17 menunjukkan bahawa usaha pelestarian Bukit Malawati dari segi pengurusan mendapat tindak balas yang baik daripada responden. Bagi pernyataan pertama iaitu jalankan aktiviti penyelenggaraan berkala, majoriti daripada responden seramai 80 orang sangat bersetuju, seramai 53 responden pula bersetuju dengan

pernyataan tersebut, 16 responden memilih sederhana, 4 responden tidak setuju manakala terdapat 2 orang sangat tidak setuju.

Pernyataan seterusnya iaitu menambah baik infrastruktur memperlihatkan bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 6 tidak setuju, 13 responden memilih sederhana, seramai 48 bersetuju manakala selebihnya majoriti seramai 79 sangat setuju. Dalam pernyataan ketiga iaitu mencegah kerosakan angkara manusia, majoriti daripada responden seramai 88 orang sangat bersetuju, seramai 48 daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 13 memilih sederhana, 4 tidak setuju manakala terdapat 2 orang sangat tidak setuju.

Pernyataan seterusnya iaitu menguatkuasakan undang-undang dapat kita lihat bahawa terdapat hanya 2 sangat tidak setuju, 5 tidak setuju, 16 responden memilih sederhana, seramai 44 bersetuju manakala selebihnya majoriti seramai 88 sangat setuju. Dalam pernyataan yang terakhir iaitu menyediakan sumber maklumat elektronik, majoriti daripada responden seramai 83 orang sangat bersetuju, seramai 50 daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, 17 memilih sederhana, 3 tidak setuju manakala terdapat 2 orang sangat tidak setuju.

#### 4.6 Penutup

Hasil kajian mendapati bahawa setiap aspek yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam borang soal selidik memainkan peranan penting dalam kajian ini di samping membawa pengaruh dalam menjawab setiap objektif dan persoalan yang dikemukakan pada awal bab kajian ini. Daripada data yang dikumpul, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa majoriti responden memberi tindak balas yang baik dan positif kepada setiap pernyataan yang diajukan oleh pengkaji.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### RUMUSAN, PERBINCANGAN & CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam penyelidikan ini. Dalam bab ini, pengkaji merumuskan secara ringkas semua dapatan daripada kajian yang dijalankan dan dibincangkan dalam bab yang lepas. Pengkaji menilai sama ada matlamat itu berhasil tercapai atau tidak berdasarkan hasil kajian yang diperolehi. Sejurus selepas itu, pengkaji membariskan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh pengkaji seterusnya pada masa hadapan berkaitan dengan dapatan yang diperolehi sebagai kesinambungan kajian dan refleksi terhadap kajian secara keseluruhan.

## 5.2 Rumusan

Hasil analisis daripada kajian menemukan bahawa majoriti daripada responden adalah terdiri daripada golongan pelajar perempuan dan kebanyakannya responden terdiri daripada golongan pelajar dalam lingkungan umur 19 tahun hingga 30 tahun. Hasil kajian juga menunjukkan majoriti bangsa yang mengunjungi Bukit Malawati adalah mereka yang berbangsa Melayu. Majoriti daripada mereka adalah dalam kalangan pelajar dan mempunyai tahap pendidikan setara ijazah. Negeri Selangor merupakan negeri dalam senarai yang tertinggi. Hal ini berikutan kawasan kajian yang dijalankan berada dalam negeri Selangor dan merupakan kawasan yang acapkali dikunjungi oleh sesiapa sahaja yang berkunjung ke daerah Kuala Selangor.

## 5.3 Perbincangan

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian yang merangkumi 3 analisis objektif. Bahagian ini khusus dalam membincangkan dapatan analisis untuk menjawab setiap objektif yang dikemukakan oleh pengkaji dan melihat apakah ia menjawab objektif yang diajukan atau tidak.

### 5.3.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengenalpasti keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor

Daripada hasil dapatan soal selidik yang diedarkan kepada responden berkenaan objektif pertama iaitu mengenalpasti keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor mendapati bahawa responden yang menjawab kajian ini lebih cenderung mengunjungi Bukit Malawati bersama dengan keluarga. Meskipun golongan bujang yang memonopoli pada bahagian status perkahwinan tetapi istilah keluarga itu sendiri tidak hanya terhad kepada

golongan dalam status berkahwin sahaja. Boleh jadi golongan bujang dalam sesebuah keluarga yang lebih gemar berkunjung dengan membawa adik-beradik mahupun sepupu atau anak buah sebagai mengisi masa lapang.

Jika kita lihat waktu kunjungan yang tertinggi ialah pada jam 9 hingga 11 pagi. Hal ini adalah kerana pada waktu berkenaan sangat bersesuaian bagi golongan yang ingin menaiki Bukit Malawati secara santai tanpa orang yang ramai. Kebiasaannya, pada waktu awal pagi dan lewat petang orang yang mengunjungi Bukit Malawati adalah ramai kerana mereka memilih untuk melakukan aktiviti seperti berjoging dan sebagainya.

Seterusnya, hujung minggu menjadi pilihan responden adalah kerana hujung minggu merupakan hari yang orang ingin keluar untuk mencari ketenangan dan mengisi masa lapang setelah berhempas pulas melakukan kerja pada hari Isnin sehingga Jumaat. Tambahan pula, cuti pada hujung minggu adalah untuk mengembalikan kesihatan mental pada otak dan memberi waktu rehat yang sangat menjadi salah satu keperluan oleh tubuh manusia itu agar berehat dari memikirkan kerja. Justeru itu, orang memilih hujung minggu untuk melakukan aktiviti yang sihat.

Dalam kesemua aktiviti kunjungan yang disenaraikan, aktiviti kunjungan yang paling tinggi responden tindak balas adalah menikmati keindahan alam. Bukit Malawati itu sendiri sebuah kawasan bukit dengan pemandangan yang memukau iaitu menghadap Selat Melaka dan dipenuhi tumbuhan yang menghijau. Justeru itu, ia sangat baik untuk kesihatan mata di samping mental dan tubuh. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa semua orang

masih mencintai alam dan suka mencari tempat yang menarik untuk menikmati keindahan alam semesta.

Pernyataan keadaan perkitaran ini timbul adalah untuk melihat bagaimana keadaan persekitaran membantu dalam keistimewaan Bukit Malawati itu sendiri. Sebagaimana yang diketahui, sesebuah persekitaran yang baik itu penting dalam mempengaruhi emosi seseorang. Hal ini adalah untuk mewujudkan persekitaran yang selesa dan perasaan yang nyaman. Apabila persekitaran itu baik, maka orang akan lebih gemar untuk berkunjung ke sesebuah kawasan perlancongan itu di samping wujud perkhidmatan yang memang patut ada dan mencukupi kepada para pengunjung.

### **5.3.2 Analisis Objektif Kajian 2: Mengkaji potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeo pelancongan negara**

Daripada hasil dapatan soal selidik yang diedarkan kepada responden berkenaan objektif kedua iaitu mengkaji potensi Bukit Malawati dalam sektor arkeo pelancongan negara, pengkaji mendapati bahawa majoriti responden memberi maklum balas yang positif kepada setiap persoalan yang diajukan. Sosial menjadi aspek yang penting dalam menaikkan industri pelancongan negara. Hal ini kerana ia tidak hanya mampu meningkatkan kawasan malah masyarakat itu sendiri. Tambahan pula, peningkatan taraf hidup tidak hanya terhad kepada taraf hidup komuniti setempat, tetapi juga komuniti sekitar dengan Bukit Malawati.

Jumlah pelancong domestik dan antarabangsa semakin meningkat saban tahun memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama sekali gus

memajukan sektor ekonomi yang menjana pendapatan negara. Ekonomi merupakan aspek yang tidak asing dalam segala sektor tidak hanya pelancongan kerana ia merupakan salah satu punca pendapatan negara. Meskipun pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia kini memberi kesan kepada sektor pelancongan negara yang mana menyebabkan kerugian yang besar kerana tiada pelancong antarabangsa yang boleh masuk ke negara kita, pelancong domestik menjadi sebab penting sesebuah kawasan seperti Bukit Malawati terus dikunjungi di samping menaikkan semula sektor ekonomi setempat dan negara.

Seterusnya, pendidikan juga merupakan aspek yang penting. Jika dilihat pada analisis kajian, orang ramai sangat setuju bahawa Bukit Malawati menjadi tempat untuk menambah ilmu pengetahuan. Hal ini kerana orang tahu dan sedar bahawa pentingnya tempat bersejarah dalam memberi pendidikan tentang sejarah pada masa kini khususnya kepada golongan anak muda sedari dari kecil. Justeru itu, orang berkunjung ke Bukit Malawati untuk bersantai di samping menambah ilmu pengetahuan tentang sejarah.

### **5.3.3 Analisis Objektif Kajian 3: Mengenalpasti usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati**

Daripada hasil dapatan soal selidik yang diedarkan kepada responden berkenaan objektif ketiga iaitu mengenalpasti usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati, maklum balas positif telah diterima oleh pengkaji. Usaha pelestarian kepada alam sekitar adalah dengan menjaga kebersihan kawasan. Jika tidak kita yang menjaga dan memelihara alam sekitar, siapa lagi yang melakukannya. Setiap responden yang bersetuju dengan

pernyataan yang dinyatakan adalah kerana mereka tahu akan keadaan sekitar Bukit Malawati tersebut. Meskipun pandemik yang melanda menjadikan kawasan tersebut lebih baik daripada sebelumnya, ia seharusnya berlanjutan sebegini agar kebersihan kawasan sentiasa terjamin.

Untuk pemasaran yang lebih baik, seharusnya pihak Bukit Malawati menggalakkan promosi secara digital agar orang yang tidak pernah berkunjung ke Bukit Malawati turut boleh mengetahui apa yang terdapat di sana yang mana membuat mereka teringin untuk mengunjungi kawasan tersebut. Aktiviti pendidikan juga boleh diadakan untuk menarik minat golongan muda mengunjungi tempat bersejarah di samping mempelajari sejarah negeri Selangor itu sendiri.

Dalam aspek pengurusan, analisis mendapati bahawa orang sangat setuju dengan mencegah kerosakan angkara manusia dan menguatkuasakan undang-undang. Hal ini kerana orang sedar sikap seseorang manusia itu. Kadang kita membuat kerosakan tanpa kita sedar seperti vandalisme. Apabila undang-undang dikuatkuasakan, banyak perkara yang boleh dicegah seperti menyediakan kompaun kepada yang melanggar peraturan di Bukit malawati seperti membuang sampah merata yang mana sekali gus dapat mengawal pencemaran dan membaiki alam sekitar Bukit Malawati.

## 5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang dilaksanakan ini telah memberi gambaran bahawa membangunkan Bukit Malawati sebagai sebuah kawasan arkeo pelancongan amat penting kepada negara khususnya negeri Selangor itu sendiri. Oleh kerana fokus utama kajian ini adalah Bukit Malawati itu sendiri iaitu dengan mengkaji keistimewaan, potensi dan usaha pelestarian yang boleh dilakukan di kawasan berkenaan. Mungkin kajian seterusnya boleh memperlihatkan bagaimana Bukit Malawati memberi impak kepada jangka panjang sektor pelancongan di dalam negara. Hal ini sekali gus dapat melihat perkembangan yang akan berlaku pada kawasan berkenaan.

Kajian lanjutan seterusnya dicadangkan untuk meluaskan skop responden dalam kajian. Dalam kajian ini pengkaji lebih memfokuskan kepada responden yang selalu dan pernah berkunjung ke kawasan kajian. Hal ini menyebabkan skop kajian terbatas kepada masyarakat sekitar kawasan Bukit Malawati itu sendiri, penduduk Selangor dan beberapa daripada negeri lain yang kebetulan pernah berkunjung ke situ. Jika responden kajian yang terlibat lebih luas, lebih ramai masyarakat akan melihat Bukit Malawati sebagai sebuah kawasan yang berpotensi untuk dimajukan yang mana secara tidak langsung meningkatkan kepercayaan orang untuk datang berkunjung.

Selain itu, kaedah kajian lanjutan juga boleh dipelbagaikan. Berbagai kaedah yang dapat digunakan dalam proses pengumpulan maklumat. Pengkaji menggunakan soal selidik dalam kajian ini yang mana ia merupakan satu kaedah kuantitatif. Kajian seterusnya mungkin boleh menggunakan kaedah kualitatif seperti temubual sebagai salah satu proses pengumpulan data. Dengan kaedah ini, maklumat yang akan diperolehi akan lebih terperinci dan banyak untuk ditelaah sebelum mencapai hasil kajian.

## 5.5 Penutup

Warisan amat penting dalam kepada sesebuah negara kerana nilai estetika yang dibawakan oleh lokasi bersejarah itu menjadi nilai yang sangat berharga kepada negara. Hal ini kerana kepentingan warisan adalah untuk memastikan sesebuah tempat atau kawasan yang mempunyai sejarah dapat dilestarikan yang mana ia berpotensi dalam sektor arkeopelancongan negara. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini dapat mendidik semua pihak tentang kepentingan pemuliharaan bagi memelihara kawasan bersejarah. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menyedarkan semua orang akan kepentingan menjaga tapak bersejarah terutama dalam komuniti kita sendiri khususnya kepada anak muda dalam negeri Selangor agar mereka tahu akan sejarah negeri Selangor itu sendiri.



## RUJUKAN

Abdul Kadir Haji Din (1997). *Arkeo-Pelancongan: Merentas Ruang Dan Masa*. Diambil Dari <http://repo.uum.edu.my/3819/>

Abdullah Zakaria Ghazali (2012). *Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku Dan Jejak Perjuangan Patriot Dan Nasionalis Menentang British*. Diambil Dari [http://www.myjurnal.my/filebank/-published\\_article/22937/001\\_027.pdf](http://www.myjurnal.my/filebank/-published_article/22937/001_027.pdf)

Ab Samad Kechot, Shahidi A. Hamid, Rahim Aman, Zuraidah Hassan, Daeng Haliza Daeng Jamal (2012). *Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya*. Diambil Dari <http://journalarticle.ukm.my/5729/1/4c.geografi-nov%25202012-abd%2520samad-edam.pdf>

Abdullah Zakaria Ghazali (2007). *Sejarah Malaysia: Sorotan Masa Lalu, Iktibar Hari Ini Dan Akan Datang*. Diambil Dari [http://www.myjurnal-.my/filebank/published\\_article/22909/001\\_023.pdf](http://www.myjurnal-.my/filebank/published_article/22909/001_023.pdf)

Adnan Jusoh (2016, Dis). *Melestarikan Tapak Warisan Arkeologi Monumen Dan Bangunan Bersejarah Dalam Konteks Arkeopelancongan Di Malaysia*. Diambil Dari [https://www.researchgate.net/publication/312494931\\_melestarikan\\_tapak\\_warisan\\_arkeologi\\_monumen\\_dan\\_bangunan\\_bersejarah\\_dalam\\_konteks\\_arkeopelancongan\\_di\\_malaysia](https://www.researchgate.net/publication/312494931_melestarikan_tapak_warisan_arkeologi_monumen_dan_bangunan_bersejarah_dalam_konteks_arkeopelancongan_di_malaysia)

Adnan Jusoh (2007). *Gua Batu Kapur Lembah Kinta Dari Perspektif Arkeologi*. Diambil Dari [https://www.researchgate.net/publication/308713392\\_Gua\\_batu\\_kapur\\_Lembah-Kinta\\_dari\\_perspektif\\_arkeologi](https://www.researchgate.net/publication/308713392_Gua_batu_kapur_Lembah-Kinta_dari_perspektif_arkeologi)

AJ Muhammad Fahmi (2012). *Metodologi Kajian*. Diambil Dari

[http://studentsrepo.um.edu.my/3982/5/chapter\\_4.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/3982/5/chapter_4.pdf)

Akta Warisan Kebangsaan 2005

Ang Kean Hua (2016). *Mengenai penyelidikan dan kajian kes: Satu tinjauan literatur*.

Diambil Dari <http://journalarticle.ukm.my/10626/1/6.geografa-ogos16-angkeanhua-edam.pdf>

B Bala (2021). *Penemuan Warisan Megalitik Lundayeh Di Long Pasia: Potensi*

*Arkeopelancongan*. Diambil Dari <http://spaj.ukm.my/jurnalarkeologi/index.php/-jurnalarkeologi/article/download/240/279>

Ch Norhayati (2011). *Bab 3 Metodologi Kajian*. Diambil Dari <http://studentsrepo.um.edu.my/3415/6/bab3.pdf>

Dewan Bahasa Dan Pustaka. Diakses Pada April 20. Diambil Dari <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=metodologi>

Er Ah Choy (2013). *Pembangunan Pelancongan Lestari Di Melaka: Perspektif Pelancong*.

Diambil dari <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18030/5633>

Fenciekuha (2017, May 6). *Arkeologi Dan Kepentingan*. Diambil Dari <http://fenciekuha.blogspot.com/2017/05/arkeologi-dan-kepentingan.html>

F Salleh (2003). *Metodologi Kajian*. Diambil Dari [http://studentsrepo.um.edu.my/3982/5/chapter\\_4.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/3982/5/chapter_4.pdf)

Fauziah Che Leh (2016). *Pelancongan Bandar Dan Isu Keselamatan: Kajian Kes Pelancong Antarabangsa Kuala Lumpur*. Diambil Dari <http://www.ukm.my/geografi/images/-upload/10x.geografi-jun16-fauziah-edam.pdf>

Hafiz Ithnin (2018, Okt 2). *Pelancongan Arkeologi*. <https://www.hmetro.com.my/santai-2018/10/382471/pelancongan-arkeologi>

Haji Buyong Adil (1981). *Sejarah Selangor*. Diambil Dari <http://www.ppas.gov.my/dokumen/kol-digital/1/sejarah-selangor.pdf>

Idris Awangrahimin Affandi Abdul Rahim (2006). *Sorotan Kajian Lepas: Teori Dan Amalan Dalam Penyelidikan Islam*. Diambil Dari [https://www.academia.edu/5090972-sorotan\\_kajian\\_lepas\\_teori\\_dan\\_amalan\\_dalam\\_penyelidikan\\_islam](https://www.academia.edu/5090972-sorotan_kajian_lepas_teori_dan_amalan_dalam_penyelidikan_islam)

Jamaluddin Md. Jahi (2009). *Pembangunan Pelancongan Dan Impaknya Terhadap Persekutaran Fizikal Pinggir Pantai*. Diambil Dari <https://core.ac.uk/download/pdf/11491364.pdf>

Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Diambil Dari [http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012\\_Metodologi-PengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_Metodologi-PengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf)

Lee Kuok Tiung, Siti Suriani Othman (2010). *Pertumbuhan Dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-Pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia*. Diambil Dari <https://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika-/article/view/-417>

Majlis Perbandaran Kuala Selangor. *Bukit Malawati*. Diakses Pada April 21. Diambil Dari

<http://www.mdks.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/bukit-malawati>

Mokmin Basri (2012). *Bab 4: Kaedah Kajian*. Diambil Dari [https://www.researchgate.net-publication/283479198\\_Bab\\_4\\_Kaedah\\_Kajian](https://www.researchgate.net-publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian)

Nurazim Roslan And Azmi Arifin (2017). *Penghulu Di Selangor Semasa Pentadbiran*

*Kolonial British*. Diambil Dari <http://eprints.usm.my/44963/1/21.%20penghulu-%20di%20selangor%20semasa%20pentadbiran%20kolonial%20british.pdf>

Ns Ismail Zawawi (2015). *Metodologi Kajian*. Diambil Dari [http://studentsrepo.um.edu.my/5395/3/bab\\_3.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5395/3/bab_3.pdf)

Rahimi Akmal (2020). *Keistimewaan Senibina Rumah Dato' Haji Ahmad Maher Sebagai*

*Khazanah Warisan Yang Perlu Dipelihara*. Diambil Dari File:///C:/Users/Admin/Desktop/1.Keistimewaan%20senibina%20rumah%20dato%20haji%20ahmad%20maher%20sebagai%20khazanah%20warisan%20yang%20perlu%20dipelihara.Pdf

Rupawan Ahmad (1990). *Sejarah, Masyarakat Dan Pendidikan*. Diambil Dari <http://journal-article.ukm.my/465/1/1.pdf>

Shila, A. (2018). *Contoh Metodologi Kajian*. Diambil Dari <https://www.slideshare.net-atokshila/contoh-metodologi-kajian-109026820>

Siti Salina Masdey & Zuliskandar Ramli (2018, Jun). *Potensi Pembangunan Pelancongan*

*Berasaskan Warisan Di Bandar Hilir, Melaka: Analisis Swot*. Diambil Dari <http://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/viewfile/55/94>

Siti Nor Fatimah Binti Zuraidi (2014, Jun). *Model Rangka Kerja Pemuliharaan Struktur Fabrik Bagi Bangunan Bersejarah*. Diambil Dari <https://core.ac.uk/-download/pdf/42954764.pdf>

Trifosa Wong (2016, Feb 13). *Definisi Pelancongan*. Diambil Dari <https://www.scribd.com/doc/299169111/definisi-pelancongan>

Ummi Adibah (2019). *Kaedah Analisis Data: Kualitatif & Kuantitatif*. Diambil Dari <https://www.pascasiswazah.com/kaedah-analisis-data-kualitatif-kuantitatif/>

Yusof Hassan (1981). *Sejarah Dan Kesan-Kesan Sejarah Kuala Selangor*. Diambil Dari [https://sgp1.digitaloceanspaces.com/proletarianlibrary/singaporemalaysia/yusof%20hasan/sejarah%20dan%20kesankesan%20sejarah%20kuala%20selangor%20\(461\)/sejarah%20dan%20kesan-kesan%20sejarah%20kuala%20sela%20-%20yusof%20hasan.pdf](https://sgp1.digitaloceanspaces.com/proletarianlibrary/singaporemalaysia/yusof%20hasan/sejarah%20dan%20kesankesan%20sejarah%20kuala%20selangor%20(461)/sejarah%20dan%20kesan-kesan%20sejarah%20kuala%20sela%20-%20yusof%20hasan.pdf)

Zakaria, H.M. & Aziz, A. (2018). *Kuala Selangor perceived attractiveness as a domestic tourism destination*. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts*, 10(2), 63-80. [https://www.researchgate.net/publication/330335684\\_Kuala\\_Selangor\\_perceived\\_attrativeness\\_as\\_a\\_domestic\\_tourism\\_destination](https://www.researchgate.net/publication/330335684_Kuala_Selangor_perceived_attrativeness_as_a_domestic_tourism_destination)

Zuliskandar Ramli, Muhammad Rizal Razman, Deni Efizon, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Kadir Arifin, Muhammad Syafiq Mohd Ali (2015). *Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekutaran*. Diambil Dari [https://www.researchgate.net/publication/305282391\\_pelancongan\\_berasaskan\\_warisan\\_di\\_malaysia\\_potensi\\_dan\\_cabaran](https://www.researchgate.net/publication/305282391_pelancongan_berasaskan_warisan_di_malaysia_potensi_dan_cabaran)

**LAMPIRAN**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN

Bukit Malawati  
45000  
Kuala Selangor  
Selangor

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**  
*Faculty of Creative Technology and Heritage*

RUJ. KAMI (*Our Ref.*) UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (48 )  
 TARikh (Date) : 25 JULAI 2021

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Nurulaina Izzati Binti Samsuddin	C18B0508	960219085722	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"  
 "PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"  
 "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD**  
 Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

**BAHAGIAN A: Maklumat Demografi**

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada jawapan pilihan anda di ruangan yang disediakan.

## 1. Jantina

	Lelaki
	Perempuan

## 2. Umur

	Bawah 18 tahun
	19 – 30 tahun
	31 – 45 tahun
	46 – 59 tahun
	Atas 60 tahun

## 3. Bangsa

	Melayu
	Cina
	India
	Bumiputera
	Sabah/Sarawak
	Lain-lain

## 4. Tahap pendidikan

	Tiada Pendidikan formal
	Sekolah rendah
	Sekolah Menengah
	Diploma
	Ijazah
	Lain-lain

5. Pekerjaan

	Sektor kerajaan
	Sektor swasta
	Bekerja sendiri
	Tidak Bekerja/suri rumah/pesara
	Pelajar

6. Negeri

	Perlis
	Kedah
	Pulau Pinang
	Perak
	Selangor
	Wilayah Persekutuan
	Negeri Sembilan
	Melaka
	Johor
	Pahang
	Terengganu
	Kelantan
	Sabah
	Sarawak

**BAHAGIAN B: Mengenalpasti keistimewaan yang terdapat di Bukit Malawati, Kuala Selangor**

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada jawapan pilihan anda di ruangan yang disediakan berdasarkan skala berikut.

Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Sederhana (SH)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
---------------------------	-------------------	----------------	------------	--------------------

**Bentuk Kunjungan**

	Bersendirian
	Pasangan
	Keluarga
	Kawan
	Berkumpulan

**Waktu Kunjungan**

	7 - 9 pagi
	9 - 11 pagi
	11 - 1 tengah hari
	1- 3 petang
	3 - 5 petang
	5 - 7 malam

**Hari Kunjungan**

	Hari bekerja
	Hujung minggu
	Cuti umum
	Cuti persekolahan
	Bila-bila masa

<b>AKTIVITI KUNJUNGAN</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>SH</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Bersiar-siar					
Berjoging					
Berbasisikal					
Mengambil gambar					
Menikmati keindahan alam					
Mempelajari ilmu sejarah					
Memenuhi senarai impian					
Mencuba sesuatu yang baru					
Melihat kesan tinggalan sejarah					
Melihat pelbagai spesis monyet					

<b>KEADAAN PERSEKITARAN</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>SH</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Penyediaan tong sampah					
Tempat letak kenderaan					
Tempat rehat					
Tandas awam					
Kawasan rekreasi					
Perkhidmatan trem					
Taman permainan kanak-kanak					
Papan tanda petunjuk					
Papan tanda amaran					
Kebersihan kawasan					

**BAHAGIAN C: Mengkaji potensi dari sudut pelancongan Bukit Malawati dalam sektor arkeopelancongan negara**

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada jawapan pilihan anda di ruangan yang disediakan berdasarkan skala berikut.

Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Sederhana (SH)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
---------------------------	-------------------	----------------	------------	--------------------

<b>SOSIAL</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>SH</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Peningkatan taraf hidup					
Peningkatan pelancong domestik dan antarabangsa					
Memupuk rasa cinta akan negara					
Menambah kekayaan budaya bangsa					
Daya Penarik pelancong domestik dan antarabangsa					

<b>EKONOMI</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>SH</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Peluang pekerjaan					
Perkembangan teknologi digital					
Peluang menjana pendapatan					
Aset pelaburan negara					
Lokasi acara pelancongan					

<b>PENDIDIKAN</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>SH</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Bukti kawasan bersejarah					
Peluang Pendidikan					
Promosi kawasan bersejarah					
Menambah ilmu pengetahuan					
Pusat tumpuan berkaitan pelancongan					

**BAHAGIAN D: Mengenalpasti usaha yang boleh dilakukan dalam melestarikan Bukit Malawati**

ARAHAN: Sila tandakan (/) pada jawapan pilihan anda di ruangan yang disediakan berdasarkan skala berikut.

Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Sederhana (SH)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
---------------------------	-------------------	----------------	------------	--------------------

ALAM SEKITAR	STS	TS	SH	S	SS
Menjaga kawasan persekitaran					
Mengurangkan sampah sarap					
Meminimakan pencemaran					
Menjaga perubahan landskap					
Menjaga kebersihan lingkungan					

PEMASARAN	STS	TS	SH	S	SS
Mengadakan kempen					
Mengadakan aktiviti pendidikan					
Mengadakan acara rutin					
Promosi kesenian pelancongan					
Mengalakkan promosi secara digital					

PENGURUSAN	STS	TS	SH	S	SS
Jalankan aktiviti penyelenggaraan berkala					
Menambah baik Infrakstruktur					
Mencegah kerosakan angkara manusia					
Menguatkuasakan undang undang					
Menyediakan sumber maklumat elektronik					